

POLA PEMILIKAN TANAH DI KAMPUNG SEMALOI
DAN BUKIT PASIR
ENDAU MERSING JOHOR
IMPLIKASI SOSIAL DAN EKONOMI

Oleh

No. Matrik 35480

Latihan Ilmiah Bagi
Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat-Syarat
Untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

SESSI 1981/82

SINOPSIS

Kajian ini adalah berdasarkan kepada pola pemilikan tanah dan kesamya ke atas corak ekonomi dan sosial di kalangan masyarakat tani Melayu. Kajian ini dilakukan ke atas petani-petani di Kampung Semalei dan Kampung Bukit Pasir di Daerah Endau Johor.

Latarbelakang kampung ini diuraikan dalam bab pertama. Dalam bab yang kedua pula disentuh bentuk pemilikan tanah yang menjadi tema kepada kajian ini. Masalah petani yang kelaparan tanah kerana rata-rata yang dikerjakan adalah sempit. Masalah pemilikan tanah yang sedemikian mempunyai hubungan yang rapat dengan kadar pendapatan yang diperolehi oleh petani. Kedudukan ini diperjelaskan lagi dalam bab ketiga, yang secara khusus menyentuh soal daya pengeluaran pertanian bentuk-bentuk pengeraaan tanah yang dilakukan. Dalam bab ini juga diuraikan masalah-masalah besar yang dihadapi oleh petani dalam usaha mereka menambah tingkat pengeluaran; khususnya dalam pengeraaan tanah sawah. Dalam bab yang keempat pula tentang implikasi ekonomi dan pengagihan pendapatan. Adalah jelas dalam kajian itu menunjukkan pendapatan petani sebenarnya tidak banyak berubah dari tahap kemiskinan. Manifestasi ini dapat dikesan dari kurangnya simpanan modal samada dalam bentuk harta modal atau wang tunai dikalangan petani. Masalah ekonomi akan turut membabitkan masalah sosial pula. Dalam bab yang keempat dan kelima diuraikan bagaimana kekurangan petani dari segi pendapatan mempengaruhi kemampuan mereka untuk menyekolahkan anak-anak mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Dalam dua bab terakhir ini ada juga dibincangkan perbandingan di antara sektor pertanian dan bukan pertanian bagi tujuan menjelaskan

lagi bagaimana pengaruh tingkat pendapatan di kalangan petani yang dikaji. Di bahagian penutupnya pula telah disentuh beberapa langkah yang perlu dilakukan oleh pihak yang berkuasa untuk mengatasi masalah kemiskinan di kalangan petani ini. Cara untuk mengatasi masalah ini haruslah dilihat dari sudut yang berbagai disiplin. Samada yang berbentuk sosiologikal atau yang bukan berbentuk sosiologikal.

Barisan pengaruh yang ada dalam kesan ekonomi pada kesejahteraan petani adalah sebagai berikut:

1. Pengaruh ekonomi yang bersifat langsung kepada petani diketahui melalui pengaruhnya terhadap hasil pertanian dan pengaruhnya terhadap harga hasil pertanian. Pengaruh langsung kepada hasil pertanian ini dapat dilihat dari dua sisi iaitu faktor-faktor teknologi dan faktor-faktor sosial politik. Faktor-faktor teknologi yang mempengaruhi hasil pertanian termasuklah teknologi tanam, teknologi pengeluaran dan teknologi pengolahan hasil pertanian. Faktor-faktor sosial politik yang mempengaruhi hasil pertanian termasuklah faktor-faktor politik, faktor-faktor ekonomi dan faktor-faktor sosial budaya. Dalam hal faktor-faktor teknologi, pengaruhnya terhadap hasil pertanian merupakan yang paling besar kerana ia memberi pengaruh yang kuat terhadap hasil pertanian. Dalam hal faktor-faktor ekonomi, pengaruhnya terhadap hasil pertanian juga besar kerana ia memberi pengaruh yang kuat terhadap hasil pertanian. Dalam hal faktor-faktor sosial budaya, pengaruhnya terhadap hasil pertanian juga besar kerana ia memberi pengaruh yang kuat terhadap hasil pertanian.

2. Pengaruh ekonomi yang bersifat tidak langsung kepada kesejahteraan petani adalah pengaruhnya terhadap hasil pertanian melalui pengaruhnya terhadap faktor-faktor teknologi dan faktor-faktor sosial politik.

PENGHARGAAN

Segala puji-pujian yang mulia untuk Ilahi Rabil' alamin selawat dan salam untuk junjungan besar penghulu kami Nabi Muhammad Salla Llahu'Alaihi wassalam.

Alhamdulillah, syukur kehadrat Allah subhanahu wata'la kerana dengan limpah kurnianya kajian ini dapat juga dihasilkan dengan sebegini rupa. Petunjuk dan restunya membuat kajian ini dapat juga diselesaikan walaupun dalam keadaan yang terdesak.

Saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada yang dihormati Profesor Madya Syed Husin Ali yang telah sudi menyeliakan Latihan Ilmiah ini dari awal hingga akhir. Tanpa bimbingan beliau mungkin kajian ini tidak dapat diselesaikan sebagaimana dalam bentuk yang ada ini. Di samping itu penghargaan juga ditujukan kepada pegawai pemungut hasil Encik Ashari serta kakitangan beliau yang telah membantu saya memberikan maklumat yang diperlukan. Selain dari itu penghargaan yang tidak terhingga saya tujukan kepada Encik Atan bin Osman, Ketua Kampung Semaloi yang sanggup menerima saya sebagai anak angkatnya selama kajian dijalankan. Selain dari itu penghargaan yang istimewa diabadikan kepada Encik Nasud bin Haji Hitan Penghulu Muhibin Ladang Endau kerana kesudian beliau membantu saya dalam memberikan keterangan terhadap kampung-kampung yang dikaji. Sesungguhnya budi dan jasa beliau amat disanjung tinggi.

Akhirnya kepada semua penduduk Kampung Semaloi dan Bukit Pasir yang terlibat dalam kajian ini diucapkan jutaan terima kasih di atas

kerjasama yang diberikan semasa saya menemui mereka. Tidak juga dilupakan kepada rakan-rakan saya, saudara Rafien, saudara Azmi, saudara Azmi Shamsuddin dan saudara Pusairi di mana kami selalu bertengkar dan berbincang untuk kebaikan kajian ilmiah kami. Hanya ucapan terima kasih sajalah yang dapat disematkan. Sesungguhnya segala kekurangan dan kelemahan yang masih ada adalah kelemahan saya sendiri yang tiada disengajakan untuk itu saya bermohon maaf.

Semoga Allah Subhanahu wata'ala sentiasa melimpahkan rahmatnya kepada kita semua.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

No. Matrik 35480
16hb Januari 1982

ISI KANDUNGAN

	muka surat
SINOPSIS	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	v
BAB I: PENDAHULUAN	1
1.1 Tujuan Kajian	1
1.2 Metod Kajian	2
1.3 Penggunaan Set-Set Soal Selidik	3
1.4 Interview Dengan Penduduk Kampung	3
1.5 Pemerhatian Ikut Serta	4
1.6 Sumber Keterangan Bertulis	4
1.7 Masalah Kajian	5
1.8 Latarbelakang Tempat Kajian	6
1.9 Keadaan Geografi	7
2.0 Keadaan Muka Bumi	8
2.1 Tinjauan Dari Segi Sejarah	12
2.2 Asas Ekonomi	13
2.3 Asas Agama Dan Kepercayaan	15
2.4 Kepimpinan Kampung	17
BAB II: POLA PEMILIKAN TANAH	20
1.2 Kawasan Kajian	21
1.3 Cara Pemilikan Tanah	30
1.4 Pola Pemilikan Tanah Di Kalangan Petani	38

BAB III: DAYA PENGELOUARAN PETANI	45
1.1 Teknologi Dalam Pertanian	51
1.2 Daya Pengeluaran Tani	55
1.3 Tanah Getah, Tanah Kelapa Dan Tanah Dusun	57
1.4 Sistem Yang Berkaitan Dengan Pengerjaan Tanah	58
1.5 Implikasi Sistem Sewa	61
1.6 Sistem Pawah Atau Bagi Dua	66
1.7 Sebab-Sebab Terjadi Sistem Pawah	68
1.8 Hubungan Tuan Tanah Dengan Pemawah	69
1.9 Implikasi Dari Sistem Pawah	70
 BAB IV: IMPLIKASI EKONOMI	 71
1.2 Sektor Luar Pertanian	77
1.3 Pengagihan Pendapatan (kerja dengan kerajaan)	78
1.4 Tabungan Dan Simpanan Modal	79
1.5 Simpanan Dalam Bentuk Alat Pertanian	83
1.6 Sektor Dalam Pertanian	85
 BAB V: IMPLIKASI SOSIAL	 87
1.1 Peluang dan Kemudahan Pendidikan	87
1.2 Kedudukan Ekonomi Ibumapa	88
1.3 Sektor Dalam Pertanian	92
1.4 Sektor Luar Pertanian	94
1.5 Asas Pendidikan Ibumapa	95

1.6 Mobiliti Penduduk	98
Kesimpulan Dan Penutup	102
Nota Kaki	109
BIBLIOGRAFI	110

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Tujuan Kajian

Di waktu kebelakangan ini, banyak perhatian telah ditumpukan khususnya di kalangan pihak pemerintah, perancang dan pentadbir maupun di kalangan ahli akademik dan lain-lain ke arah menilai semula rancangan-rancangan pembangunan Malaysia. Sektor pertanian merupakan sektor yang penting, dan sebahagian besar dari penduduk Malaysia terlibat di dalamnya. Memanglah wajar sekiranya ramai orang yang secara khusus ingin mengukur sejauhmana projek-projek pertanian seperti pemilikan tanah, penodenan melalui penggunaan alat-alat jentera, baja kimia racun serangga taliair serta organisasi-organisasi formal seperti Persatuan Peladang, Syarikat Kerjasama, Lembaga Padi dan Beras Negara, Jabatan Pertanian, Bank Pertanian dan lain-lain dapat sebenarnya membantu meninggikan taraf hidup kaum tani seluruhnya.¹

Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan pola pemilikan tanah dan sejauh mana ianya mempengaruhi taraf pergantungan petani ke atasnya. Kajian ini juga bertujuan untuk menghuraikan bentuk-bentuk dan masalah-masalah perubahan ekonomi dan sosial serta teknologi yang dihadapi oleh petani-petani dalam konteks struktur pemilikan dan penggunaan tanah dan penodenan pertanian.

Saya berpendapat bahawa faktor-faktor budaya seperti nilai-nilai, sikap dan pandangan hidup serta cara hidup anggota masyarakat

memainkan peranan penting dalam perubahan sosial anggota-anggota masyarakat dari mundur kepada maju. Oleh itu masalah meninggikan taraf hidup petani tidak boleh diselesaikan secara berasingan terpisah dari masalah ekonomi dan politik masyarakat tersebut. Dengan lain perkataan faktor sosio-budaya tadi hendaklah dikaitkan dengan faktor penilikan tanah dan juga sistem pemasaran pertanian yang dialami oleh petani.

1.2 Metod Kajian

C. Levi-Strauss menegaskan bahawa analisa antropologi yang "generalised" bermula selepas kajian etnografi ditamatkan. Asas bagi kajian etnografi ialah kajian luar. Melalui kajian seperti ini akan terhimpun data-data etnografi yang memunjukkan bahan-bahan mentah sosial tentang realiti empiri dalam masyarakat yang dikaji.² Untuk mencapai tahap tersebut beberapa pendekatan telah digunakan di dalam kajian luar ini. Metod-metod yang telah digunakan ialah:

- (a) menggunakan borang soal-selidik,
- (b) interview atau temu-bual dengan penduduk dalam kawasan yang dikaji,
- (c) pemerhatian ikut serta (atau participant observation),
- (d) sumber-sumber keterangan yang bertulis.

1.3 Penggunaan set-set soal selidik

Melalui cara ini sebanyak 100 keping borang soal selidik telah disediakan. Temuduga telah dijalankan ke atas 100 orang ketua keluarga. Soalan-soalan yang dikemukakan meliputi butir-butir peribadi keluarga, harta benda yang dimiliki, penjualan tanah, penyewaan tanah, bentuk-bentuk subsidi kerajaan dan persekolahan anak-anak atau taraf pendidikan famili. Ketika soal selidik dilakukan ketua keluarga akan diutamakan. Sekiranya ketua keluarga lelaki tidak ada di rumah soal selidik terpaksa ditangguhkan. Tetapi bagi ketua keluarga yang tinggal jauh dari rumah mereka seperti bekerja di Singapura atau Johor Bahru atau lain-lain kawasan yang jauh dari alamat tetapnya, soal selidik akan dilakukan ke atas isterinya sendiri. Responden yang diutamakan ialah mereka yang tinggal menetap di kawasan ini.

1.4 Interview dengan penduduk kampung

Tenubual dilakukan dengan penduduk-penduduk di kampung Semaloi dan Bukit Pasir semasa penduduk kampung tidak bekerja, wapamanya waktu selepas makan tengahari responden yang bekerja di sawah akan berihat-rihat di rumahnya beberapa ketika sebelum turun semula ke sawah, di kedai runcit atau di masjid ketika sembahyang Jumaat. Perbualan yang dilakukan banyak memberi sumber keterangan yang sangat berguna kerana ia diberi secara sukarela jujur dan ikhlas.

Biasanya temubual dibuat berdasarkan kepada mereka yang sudah arif benar dengan kampung seperti ketua kampung atau tok penghulu, imam

atau bilal dan guru sekolah. Peranan mereka sebagai pemberi maklumat dapat dipertanggungjawabkan dan boleh diakui kebenarannya. Ini sudah tentu dapat melicinkan lagi penyelidikan yang dijalankan.

1.5 Pemerhatian Ikut Serta

Selama satu bulan tinggal di kawasan kajian, melalui pergaulan dengan penduduk kampung, saya dapat memerhatikan keadaan penduduk di sini samada dari segi kegiatan mereka dalam bidang ekonomi pekerjaan mereka sehari-hari serta institusi sosial yang terdapat di sini. Dalam masa yang sama saya cuba sedapati mungkin mengkaji masalah utama yang dihadapi oleh petani di sini di dalam mengerjakan tanah mereka, sikap dan pandangan mereka terhadap usaha-usaha pembangunan yang sedang dijalankan oleh pihak kerajaan, untuk meninggikan lagi pendapatan mereka sebagai petani miskin. Walau bagaimanapun jangka masa satu bulan itu memang tidak mencukupi untuk mendapatkan butir-butir yang lebih terperinci. Sungguhpun demikian melalui pengalaman penyertaan itu berbagai faktor yang bercorak sosiologikal dan bukan bercorak sosiologikal dapat diberi perhatian. Faktor-faktor yang bersifat sosiologikal seperti pengaruh umur, jantina, sikap petani serta keupayaan mereka menyesuaikan diri dengan rancangan-rancangan kerajaan juga dapat digambil kira.

1.6 Sumber keterangan bertulis

Sumber di atas diperolehi dari Jabatan Pertanian dalam bentuk maklumat tentang bentuk bantuan yang disalurkan kepada petani-petani;

kesan sambutan ke atas jadual bertanam dan menuai yang ditentukan oleh jabatan pertanian. Dari pejabat daerah maklumat yang diperolehi penghulu banyak membantu memberikan keterangan. Sungguhpun penghulu baru saja bertukar di situ beliau mengakui masih belum menguasai sepenuhnya perjalanan kampung tersebut. Oleh itu dalam beberapa hal untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas terpaksa dirujukkan kepada pejabat daerah.

1.7 Masalah Kajian

Selalunya masalah kajian yang timbul ialah mengenai soal etika.⁸ Kadang-kadang kita terpaksa berdepan dengan responden yang emosional dan sensitif. Soalan yang berhubung dengan pendapatan dan harat juga adalah soal yang sensitif bagi setiap individu. Ianya akan menjadi lebih berat jika responden enggan memahami tujuan kajian yang sedang dijalankan itu. Dalam hal mentafsirkan pendapatan petani kesukaran untuk mendapatkan anggaran yang tepat kerap terjadi. Kadang kala ada petani yang tidak mengaku jika kita kategorikan sebagai golongan miskin. Satu hal yang aneh di sini ialah petani lebih suka jika dikatakan sebagai sederhana saja. Jika ditinjau dari lapuran RMK 4, tingkat pendapatan yang dikira sederhana ialah lebih kurang 300 ringgit ke atas. Sedangkan di kalangan petani ada yang berpendapatannya kurang dari 90 ringgit tetapi masih menganggap mereka dalam taraf sederhana juga. Sebelum kami membuat kajian di kawasan ini telah pun terdapat dua kajian bancian yang dilakukan oleh Jabatan Bancian Negara dan dari kajian dari unit pemakanan dari Kementerian Kesihatan Persekutuan, Oleh itu kami juga dianggap sebagai salah seorang dari kakitangan

kerajaan yang datang ke situ untuk membuat kajian yang sama. Akibatnya terdapat kesan negatif ke atas responden, kerana terdapat responden yang mungkin bosan terhadap kekerapan kajian yang dilakukan di situ. Lantaran kerana terlalu banyak kajian tetapi bantuan yang diharapkan tak kunjung tiba.

Begitu juga soalan yang berhubung dengan soal harta tanah umpannya selalu mendapat jawapan yang tidak jelas, keadaan ini lebih nyata apabila ditanyakan kes-kes penjualan tanah. Terdapat juga responden yang enggan bekerjasama sepenuhnya, kerana mungkin dari dua pengalaman bincian yang telah mereka lalui itu didapati tidak kunjung tiba, sebarang hasil yang mereka inginkan. Tetapi bilangan begini tidak begitu ramai. Masalah berhubung dengan ketetapan data yang diperolehi iaitu masalah penapisan, sukar untuk mengawal orang lain yang tidak ditemuramah tetapi hadir ketika soal selidik sedang dilakukan dari 'campur tangan' terhadap soalan yang tidak ditujukan kepadanya. Seorang ayah yang baru memberikan sebahagian jawapan yang ditanyakan tiba-tiba disampok oleh isterinya, anak-anaknya atau saudara matanya yang ada di situ, yang cuba mempengaruhi orang yang ditanya. Gangguan seperti ini sangat sukar dikawal kerana mudah menyentuh perasaan mereka yang terlibat jika ditegur.

1.8 Latar Belakang Tempat Kajian

Dalam bahagian ini akan disentuh beberapa aspek dari segi geografi, sejarah dan aktiviti ekonomi serta sejauh mana kawasan ini turut menerima kemudahan hasil dari pembangunan seperti yang

direncanakan oleh kerajaan.

1.9 Keadaan Geografi

Kajian ini dijalankan di dua buah kampung kecil yang berhampiran. Kampung Semalei dan Bukit Pasir terletak dalam mukim Padang Endau di daerah Endau Nersing. Selain dari kampung tersebut terdapat kampung lain iaitu, Kampung Hubung, Kampung Belukar Juling, Kampung Tanjung Kampit dan Kampung Labong - yang merupakan sebuah perkampungan orang asli, Kampung Semenyir dan Pekan Endau sendiri. Kawasan kajian merupakan sebuah kawasan projek percubaan untuk tanaman padi dua kali setahun. Petani-petani di Endau telah memulakan projek ini sejak tahun 1965 lagi.³ Luas kawasan yang terlibat ialah 2090 ekar.

Jadual 1

Daerah Padang Endau - Butir-Butir Umum

Luas kawasan Padang Endau	-	36184
Jumlah Penduduk	-	2090
Bil. Keluarga Petani	-	7129
Luas Kawasan Sawah	-	2090
Luas Kawasan Kelapa	-	521
Luas Kawasan Dusun	-	316.5
Luas Kawasan Getah	-	42245
Lain-lain kawasan	-	1635

Dalam kawasan yang sama juga 208 ekar telah dikehaskan untuk tanah rancangan Felera. Mengikut maklumat yang diberi oleh pengurus Felera Daerah setiap peneroka diberi 6 ekar seorang; 3 ekar untuk tanaman padi dan 3 ekar untuk tanaman kelapa sawit di samping tapak rumah disediakan. Peneroka-peneroka adalah diambil dari negeri Kedah dan Perlis, melalui satu temuduga yang dijalankan oleh wakil Menteri Besar, ahli-ahli exco negeri, ketua-ketua jabatan terutama dari pejabat pemungut hasil tanah negeri (PHT). Pengambilan peneroka dari Kedah dan Perlis berdasarkan kemahiran mereka ngerjakan sawah; diharapkan mereka inilah nanti yang akan menjadi contoh kepada petani-petani tempatan.

Masyarakat tani di Kampung Semaloi dan Bukit Pasir terdiri daripada petani Melayu. Kawasan ini mempunyai potensi untuk dijadikan kawasan pesawahan. Kemudahan-kemudahan pertanian moden seperti talair dan peranan persatuan peladang yang bertanggungjawab mengaturkan cara-cara pertanian moden, membekalkan kredit baja, racun rumput dan serangga. Terdapat sebuah kompleks kecil IPN untuk membeli padi dari petani dan juga mengilangkannya. Di samping itu di kalangan petani sendiri terdapat seorang petani yang berinsiatif mengilang, memesin padi sendiri.

2.0 Keadaan Nukta Bumi

Nama-nama kampung di sini diambil berdasarkan nama sungai dan bukit. Umpananya nama Kampung Semaloi diambil dari nama sebatang sungai yang mengalir di pinggir kampung, iaitu sungai Semaloi, sementara

Kampung Bukit Pasir diambil berdasarkan nama bukit-bukit pasir yang banyak terdapat di kampung itu suatu ketika dahulu. Tanah di antara kedua kampung ini agak berbeza. Di Kampung Semaloi terdapat tanah pasir yang bercampur dengan tanah liat, berwarna hitam. Paras mata airnya agak tinggi, kesemua penduduk di sini menggunakan air perigi untuk membahuh dan mandi, tetapi tidak digunakan untuk masak dan minum kerana rasanya payau dan tidak enak. Mereka menggunakan air hujan saja. Air hujan enak dinimum kata mereka. Ketika di musim kemarau mereka terpaksa menggali perigi yang lebih dalam atau pun menerima bantuan dari pihak pejabat pegawai daerah Mersing. Di kampung Bukit Pasir keadaan tanah tanehnya dari jenis tanah liat berwarna kemorahan dan agak lebih subur dari tanah di Kampung Semaloi. Jarak antara Kampung Semaloi dengan Kampung Bukit Pasir hanyalah melintasi sebatang anak sungai. Tidak perbezaan yang nyata dari segi sosio budayanya antara kedua buah kampung ini. Bahkan antara kampung ini telah wujud satu ikatan yang sukar dipisahkan. Ada di antara petani Kampung Semaloi berasal dari Kampung Bukit Pasir dan begitu juga sebaliknya.

Jadual 1.2

Jumlah Tanah Yang digunakan bagi Mukim⁴
Padang Endau antara Tahun 1946-1974

Classified Land	1974	1946
Urban & Associated Area	202	146
Estate Building & associate	-	-
Tin Mining	-	-
Other Mining quarry area	-	9
Power line of way	-	-
Grassland	366	1,327
Forest	5033	6325
Scrub forest	2737	2819
Newly Cleared land	903	940
Swamps	14724	23,087
Unused	296	72
Unclassified	507	1,635
Amount	34122	36,184

Data dari Kementerian Pertanian.

Dari data di atas nyatakan proses penerokaan tanah di mukim ini secara keseluruhan adalah agak lembab. Jika kita ambil di antara

tahun 1946 hingga 1974 iaitu dalam jangka masa 28 tahun jumlah tanah yang telah diteroka hanyalah 2062 ekar, sahaja, dari satu kawasan tanah yang luasnya 36184 ekar. Tetapi jika dilihat kategori tanah kita dapati tanah paya lebih banyak diteroka oleh petani iaitu berjumlah 8363 ekar bagi tahun tempoh masa 28 tahun. Andaian yang boleh kita gunakan di sini ialah; oleh kerana tanah paya ini sesuai dijadikan tanah sawah maka pihak kerajaan negeri Johor telah menggiatkan lagi pembukaan tanah sawah dalam tahun 1974.

Bagi tanah hutan pula dari jumlah kluasan 6325 ekar dalam tahun 1946 telah diteroka seluas 1272 ekar, kebanyakannya tanah yang diteroka ini telah dijadikan sebagai kawasan tanah rancangan Felda (LKTP) di daerah Endau yang telah dibuka dalam tahun-tahun 1960an. Bagi tanah rumput dan hutan pula luas yang diteroka hanyalah 961 dari 1527 ekar (1946). Luas kawasan hutan yang baru diterokai ialah 37 ekar sahaja.

Di kawasan mukim ini tidak terdapat sebarang hasil logam seperti bijih timah, sementara quarry yang ada dalam tahun 1946 itu telah tidak lagi menjalankan kegiatannya, mungkin disebabkan batu bata yang diperlukan telah kehabisan atau tidak ekonomik untuk dikerjakan terus. Dari sudut ilmu alam sesebuah kawasan yang menjadi tumpuan manusia untuk mencari rezeki ialah kawasan yang kaya dengan hasil bumi atau subur tanahnya. Walau bagaimanapun dengan bertambahnya kadar pertambahan penduduk yang tinggi (2.9%) kemungkinan tanah yang luas untuk diteroka ini adalah jelas.

tahun 1946 hingga 1974 iaitu dalam jangka masa 28 tahun jumlah tanah yang telah diteroka hanyalah 2062 ekar, sahaja, dari satu kawasan tanah yang luasnya 56184 ekar. Tetapi jika dilihat kategori tanah kita dapati tanah paya lebih banyak diteroka oleh petani iaitu berjumlah 8363 ekar bagi tahun tempoh masa 28 tahun. Andaian yang boleh kita gunakan di sini ialah; oleh kerana tanah paya ini sesuai dijadikan tanah sawah maka pihak kerajaan negeri Johor telah menggiatkan lagi pembukaan tanah sawah dalam tahun 1974.

Bagi tanah hutan pula dari jumlah keluasan 6325 ekar dalam tahun 1946 telah diteroka seluas 1272 ekar, kebanyakannya tanah yang diteroka ini telah dijadikan sebagai kawasan tanah rancangan Felda (LKTP) di daerah Endau yang telah dibuka dalam tahun-tahun 1960an. Bagi tanah rumput dan hutan pula luas yang diteroka hanyalah 961 dari 1327 ekar (1946). Luas kawasan hutan yang baru diterokai ialah 37 ekar sahaja.

Di kawasan nukim ini tidak terdapat sebarang hasil logam seperti bijih timah, sementara quarry yang ada dalam tahun 1946 itu telah tidak lagi menjalankan kegiatannya, mungkin disebabkan batu bata yang diperlukan telah kehabisan atau tidak ekonomik untuk dikerjakan terus. Dari sudut ilmu alam sesebuah kawasan yang menjadi tumpuan manusia untuk mencari rezeki ialah kawasan yang kaya dengan hasil bumi atau subur tanahnya. Walau bagaimanapun dengan bertambahnya kadar pertambahan penduduk yang tinggi (2.9%) kemungkinan tanah yang luas untuk diteroka ini adalah jelas.

2.1 Tinjauan Dari Sezi Sejarah

Mengikut cerita-cerita lisan dari beberapa orang tua yang ditemui, Kampung Semaloi telah dibuka dalam tahun 1920an oleh seorang keturunan Bangsawan bernama Tengku Husin yang berasal dari Johor. Ia mengambil sempena dari nama sebatang sungai - Sungai Semaloi. Tengku Husin dan pengikutnya yang telah mengasaskan pembukaan tanah sawah di Endau ini. Hanya dalam tahun 1967 kerajaan negeri Johor telah mengambil keputusan untuk menjadikan kawasan ini kawasan tanah sawah secara intensif.

Ketika kedatangan Jepun ke Tanah Melayu (1941-1945), Kampung Semaloi telah dijadikan kawasan ladang paksa bagi orang Cina. Mereka dikerah supaya menanam ubi keledek dan lain-lain tanaman makanan yang diperlukan oleh Jepun ketika itu.

Pernah juga dalam tahun-tahun 60an dahulu, mengikut ketua kampung, beberapa kelamin penanam padi dari Tanjung Karang Selangor telah berpindah ke kampung Semaloi untuk mengerjakan tanah sawah di sini tetapi telah gagal; mereka kesemua balik ke kampung asal. Mengikut ceritanya mereka tidak sanggup menghadapi ancaman dari musuh-musuh padi yang banyak ketika itu, tambahan pula kawasan di sekelilingnya adalah hutan tebal yang belum lagi diteroka. Di Kampung Semaloi dahulunya terdapat sebuah sekolah rendah Melayu yang bertujuan untuk menampung pelajaran rendah di kalangan penduduk kampung. Tetapi apabila kerajaan melancarkan projek tanah rancangan LKTP semakin ramailah penduduk kampung yang meninggalkan kampung untuk masuk tanah rancangan. Oleh

kerana penduduknya semakin berkurangan maka pihak kerajaan di bawah jabatan pelajaran memindahkan sekolah tersebut ke Sekolah Kebangsaan Air Tawar yang letaknya di Kampung Hubung, iaitu kira-kira $\frac{1}{2}$ batu dari Kampung Semaloi.

2.2 Asas Ekonomi

Asas ekonomi yang menggalakkan interaksi yang lebih luas dengan kampung-kampung lain ialah pemasaran. Di Kampung Semaloi dan Bukit Pasir padi yang dikeluarkan boleh dikatakan semuanya digunakan oleh petani-petani sendiri. Hanya sebahagian kecil sahaja yang dijual kepada pihak LPN yang lainnya dibawa ke Bandar Muar untuk diproses. Manakala getah pula, sedikit saja dipasarkan kepada pekedai getah berlesen di pekan kecil Endau. Mengenai kelapa, sebahagian besarnya digunakan sendiri oleh penduduk kampung; jika ada bakinya barulah dijual ke Endau atau keluar dari Endau, seperti ke Kuantan atau Rompin di Pahang. Syugia dinyatakan bahawa hasil kelapa di kampung ini sangat kurang. Di Kampung Bukit Pasir terdapat hanya beberapa batang pokok kelapa yang baru ditanam. Di Kampung Semaloi pula pokok kelapa yang ada kurang berbuah kerana samada pokoknya telah tua atau kekurangan baja.

Kerja-kerja menangkap ikan di sungai dilakukan oleh beberapa orang nelayan sambilan. Mereka menggunakan perahu kecil yang dibuat dari kayu. Jika dibeli harganya bagi tiap-tiap sebuah ialah lebih kurang \$300. Selain dari itu mereka menggunakan alat-alat menangkap ikan yang biasa digunakan oleh nelayan-nelayan ikan darat seperti

jaring, jala dan pancing. Kerja-kerja menangkap ikan dilakukan di sungai Endau yang letaknya suku batu dari Kampung Semaloi. Di antara jenis ikan yang ditangkap ialah ikan sembilang, ikan ubi, ikan tebakang, ikan lais dan lain-lain dan juga udang galah. Selain dari sungai ikan-ikan darat ini boleh juga didapati di taliair dalam bendang. Tetapi hasil tangkapannya semakin berkurangan akibat dari penggunaan racun dan baja kimia.

Di Kampung Semaloi terdapat sebuah kedai runcit sementara di Kampung Bukit Pasir terdapat 3 buah kedai runcit. Kedai-kedai ini adalah kecil-kecil belaka kerana kekurangan modal, tambahan pula pelanggannya tidaklah begitu ramai. Peniaga kedai runcit ini bertugas sebagai peruncit yang menjual barang makanan yang diperlukan oleh orang kampung, dan barang-barang ini dibawa masuk dari luar. Barang-barang bekalan ini diperolehi dari pekan kecil Endau, yang seterusnya pula mendapat bekalan dari bandar Mersing atau Kuantan. Pergantungan kepada pasaran luar ini memberi kesan ke atas kegiatan ekonomi penduduk kampung. Bagi yang bergantung kepada getah, mereka turut menerima kesan turun naik harganya di pasaran dunia. Begitu juga dengan harga barang makanan yang lain, kesemuanya ditentukan oleh penawaran dan permintaan yang berlaku di luar kampung itu. Semuanya ini menjadikan orang kampung merasa terikat hidupnya kepada satu rangka bidang ekonomi yang lebih luas lagi.

Ketika kajian dijalankan di kawasan kampung ini fungsi orang tengah dan peraih masih belum ketara lagi. Tetapi kita tidak menafikan bahawa ia tidak akan muncul kelak, kerana peranan orang

tengah akan bertambah aktif apabila kampung semakin maju kegiatan ekonomi. Tambahan pula bagi sebuah kampung pendalaman hubungan perniagaan dengan orang luar tidak akan berjalan licin tanpa orang tengah ini.

2.3 Asas Agama dan Kepercayaan

Interaksi yang rapat dan semangat setia kawan timbul di kalangan orang kampung hasil dari kepercayaan yang sama. Asas semangat kekitaan dapat diwujudkan dengan adanya semangat persaudaraan seperti yang digalakkan dalam Islam sendiri. Orang kampung biasanya menjalankan upacara-upacara agama mereka berlandaskan unit sosial atau pun institusi yang wujud dalam masyarakat mereka. Ibadat yang wajib seperti sembahyang dan puasa adalah dilakukan di rumah, bersama anak dan isteri. Ketika kajian dijalankan kita dapati ibadat bersembahyang secara berjumah sangat kurang dilakukan oleh ahli kampung. Menurut bilal kampung ini, kadang-kadang hanya beliau seorang sahaja yang bersembahyang di surau, terutama di waktu maghrib dan isyak, sedang waktu subuh, zuhur dan asar orang kampung lebih kerap mengerjakan di rumah kerana sibuk dengan pekerjaan sehari-hari mereka.

Salah satu institusi yang penting di kampung ini ialah surau dan masjid. Di Kampung Semaloi ada sebuah surau yang dibina oleh pihak kerajaan dengan harga \$60,000, sementara di kampung Bukit Pasir pula ada sebuah masjid yang juga dibina oleh pihak kerajaan. Penduduk Kampung Semaloi bersembahyang Jumaat di sini. Kira-kira lima tahun yang lalu penduduk Semaloi memang mengerjakan fardhu Jumaat di kampung

Semalei tetapi oleh kerana makmum semakin berkurangan dan kadang-kadang tidak mencukupi 40 orang, ia dipindahkan ke masjid kampung Bulit Pasir. Dalam bulan puasa sembahyang berjumah lebih kerap diadakan sambil diselalikan dengan sembahyang terawikh. Selepas tarawikh, yang disertai oleh orang-orang dewasa, kanak-kanak dan orang perempuan, biasanya mereka pulang ke rumah. Tetapi ada juga yang meneruskan dengan membaca Quran dan berzikir hingga ke waktu sahur.

Sungguhpun pegangan agama Islam mereka kuat tetapi dari segi perlaksanaan amalan dalam kehidupan sehari-hari masih kekurangan. Selain dari kekurangan dalam ngerjakan sembahyang berjumah yang tidak tetap, di kampung ini juga tidak ada tok guru atau tok lebai yang disegani oleh orang kampung. Tidak ada kelas membaca Quran dijalankan di surau-surau seperti yang banyak dijalankan di sekolah-sekolah pondok dan surau-surau seperti di negeri Kelantan dan Trengganu. Kanak-kanak hanya mengharapkan didikan agama yang diajarkan oleh guru agama yang digaji oleh kerajaan pada waktu sebelah petang.

Dari segi amalan tahlul atau kepercayaan-kepercayaan lama berbentuk tradisional masih kedapatan di sini, walaupun tidak begitu kuat pengaruhnya. Kepercayaan kepada hantu jembalang pemunggu dan senangat masih lagi merupakan ciri-ciri biasa kepercayaan tradisional Melayu di sini. Dalam kehidupan mereka sehari-hari orang-orang kampung menghormati kuasa-kuasa ghaib ini. Amalan-amalan dan kepercayaan seperti itu walaupun disedari oleh penduduk kampung sebagai perbuatan syirik tetapi penyebatiannya dalam masyarakat Melayu tradisional sangat

komplek. Ada upacara-upacara yang bertujuan mendapat perlindungan atau menjaga hasil padi mereka dari ditimpa bencana atau malapetaka. Orang-orang yang berfungsi menjalankan upacara-upacara berbau ritual ini ialah bomoh atau pawang. Di kampung Semaloi terdapat seorang bomoh yang bergelar pawang Haji Ali. Beliau hanya bergiat di dalam kawasan kampungnya saja. Tetapi kadang-kadang beliau ada juga dijemput oleh penduduk luar kampung yang terletak di sekitar kampung Semaloi. Di antara upacara yang kerap dilakukan oleh beliau ialah upacara memulihkan kampung dari penyakit dan malapetaka. Dari segi sosiologikal upacara ini dapat juga merapatkan lagi tali perhubungan di antara penduduk kampung, walaupun ia mungkin bersifat sementara sahaja.

2.4 Kepimpinan Kampung

Sebilangan ahli-ahli sosiologi bersetuju pada umumnya dengan pendapat bahawa pemimpin-pemimpin adalah biasanya berkebolehan mempengaruhi orang lain. Melalui fikiran, pakatan atau perbuatannya. (Alvin Gouldner 1975:15) memberikan tiga rumusan bagaimana istilah kepimpinan itu digunakan:

- (a) Pencapaian mereka di atas beberapa matlamat adalah dianggap tinggi.
- (b) Mereka diiktiraf lebih tinggi tarafnya daripada orang-orang lain yang terlibat dalam aktiviti yang sama,
- (c) Mereka memberi dorongan dan mendapat sambutan secara intergratif dari rakyat.

Manakala orang yang dipimpin menerima hak pemimpinnya untuk mempengaruhi bentuk atau arah perlakuan mereka,⁵ ini bererti pemimpin itu telah mencapai kuasa yang sah (legitimacy).⁶ Demikian jugalah kedudukan seseorang pemimpin ataupun peranan yang dimainkannya dalam hierarki kuasa kuasa adalah ditentukan oleh masyarakat itu sendiri.⁷

Di dalam kes kampung Semaloi pimpinannya terletak di bawah pengawalan seorang penghulu dan ketua kampung. Perlantikan ketua kampung itu ia ditentukan oleh penduduk kampung sendiri, dengan cara diadakan satu pungutan suara atau majlis pengundian. Segala proses ini dilakukan di Balai Raya Kampung Semaloi. Proses pemilihan ketua kampung dilakukan apabila ketua kampung yang lama telah mati atau bersara. Bila ini berlaku penghulu mukim akan melaporkannya kepada Pegawai Daerah (PD) yang berkuasa. PD mengeluarkan pemberitahuan menjemput calon-calon untuk bertanding, nama-nama calon itu ditapis terlebih dahulu olehnya dengan dibantu oleh penghulu. Di antara syarat asas yang mestilah dipenuhi oleh calon-calon ialah pandai membaca menulis dan mempunyai sedikit sebanyak pengetahuan agama Islam. Di Kampung Semaloi pemilihan ketua kampung bergantung kepada rmainya calon yang bertanding. Tetapi sekiranya tidak ada calon yang ingin bertanding penghulu terpaksa lah mencari sendiri calon untuk diangkat jadi ketua kampung. Ketua kampung yang ada sekarang telah dipilih berdasarkan pewarisan yang telah dipilih berdasarkan pewarisan itu dari bapanya.

Kebiasaannya ketua kampung tidak berurusan dengan secara langsung dengan pentadbiran tetapi melaksanakannya melalui penghulu. Ketua kampung dianggap sebagai orang kanan tok penghulu.⁸ Kedudukan

tok penghulu pula lebih besar dari ketua kampung. Di Johor seorang penghulu bertugas mentadbir sebuah mukim yang terdiri dari beberapa buah kampung. Sebagai seorang pentadbir penghulu menerima gaji bulan dan berpeluang untuk naik pangkat, di samping mempunyai lain-lain kemudahan seperti tempat tinggal yang terletak di komplek penghulu. Dalam pentadbiran di Johor penghulu boleh ditukarkan ke mukim tertentu mengikut arahan setiausaha kerajaan negeri. Ini bersesuaian dengan kedudukannya sebagai pegawai kerajaan yang tertakluk kepada peraturan dan undang-undang kerajaan yang mestilah dipatuhi.

Penghulu berperanan sebagai wakil pentadbiran di peringkat kampung. Dia bertindak mengikut peraturan yang telah ditetapkan dari atas dan kadang-kadang ia juga menggunakan kebijaksanaannya sendiri. Kerja-kerja penghulu melibatkan perkara yang rumit yang berkaitan dengan orang kampung. Masalah tanah yang tidak selesai, masalah biasiswa kanak-kanak sekolah, masalah belia dan masalah yang berhubungan dengan undang-undang terpaksa dipertanggungjawabkan olehnya.

Dari segi politik terdapat hanya sebuah parti politik di sini; iaitu parti UMNO (Barisan Nasional). Ini adalah ciri biasa bagi kebanyakan kampung Melayu di Johor. Pusat cawangan parti UMNO ini terletak di bandar Mersing. Penduduk Kedah dan Perlis yang telah lama menetap di sini masih lagi tidak mempunyai mana-mana parti politik. Tetapi mereka ada bercadang untuk menujuhkan sebuah cawangan parti UMNO kerana mereka juga inginkan simpati dari parti yang memerintah.

BAB II

POLA PEMILIKAN TANAH

Di dalam bab ini akan disentuh persoalan yang menjadi tema kajian - pola pemilikan tanah di kampung Simaloi dan Bukit Pasir. Hakikat bertapa besarnya hubungan petani dengan tanah telah banyak diperbincangkan. Secara relatif penawanan tanah yang tetap berbanding dengan kadar pertambahan manusia yang cukup pesat telah menyukarkan lagi peluang memiliki tanah. Bagi petani-petani miskin masalah tanah yang semakin sempit adalah jelas; di samping faktor kesuburan tanah, daya pengeluaran yang rendah, jenis tanaman yang sesuai dengan jenis tanah, masalah penggunaan teknologi pertanian yang moden turut secara serentak mempengaruhi kemiskinan yang dihadapi oleh mereka. Keadaan yang menjadi kebiasaan bagi petani luarbandar ini jelas dihadapi oleh petani-petani di kampung Simaloi dan Bukit Pasir.

Di kalangan petani atau pekebun kecil, terdapat ramai yang memiliki tanah sekangkang kera; walau mereka berusaha dengan gigih menambah pengeluaran tanaman, tambahan pula jika hanya bergantung kepada satu jenis tanaman sahaja, maka tidak mungkin memperolehi pendapatan yang memuaskan dari sumber tersebut. Dalam pada itu tidaklah kita menidakkannya segala usaha yang telah dipesakai oleh petani-petani dari sejak turun temurun untuk menambah rezeki mereka. Anehnya nasib mereka tidak banyak

berubah walaupun usaha gigih itu terus dilakukan dari tahun ke tahun.

Di dalam bab ini penekanan khusus akan diberikan kepada masalah pemilikan tanah; luas tanah yang dimiliki juga ditinjau untuk mengetahui samada berlaku penambahan atau pengurangan di kalangan petani-petani, kenapa wujudnya keadaan yang sedemikian, serta gejala penyewaan tanah secara khusus di kalangan petani.

1.2 Kawasan Kajian

Kajian ini dijalankan di Kampung Semaloi dan Bukit Pasir, yang terletak dalam Mukim Padang Endau di Daerah Endau Mersing. Kawasan ini adalah kawasan yang terlibat di dalam projek pembukaan tanah-tanah sawah kerajaan negeri Johor. Ia meliputi kawasan seluas 30,000 ekar seperti yang dijangkakan apabila tanah-tanah sawah selesai dibuka secara keseluruhan. Bentuk pentadbiran tanah yang akan dijalankan nanti ialah secara sekim tanah FELCRA, di mana peneroka-peneroka yang dipilih akan diberi 3 ekar untuk tanaman padi dan 3 ekar untuk tapak rumah dan tanaman kelapa sawit.

Petani-petani di kampung Semaloi dan Bukit Pasir telah pun menjalankan tanaman padi dua kali semusim sejak tahun 1967 lagi. Tanah sawah yang telah dibuka oleh kerajaan ketika itu ialah seluas 2090 ekar, di bawah projek perintis sebagai per-

cubaan untuk tanaman padi dua musim.

Butir-butir umum tentang daerah kampung Semaloi dan

Bukit Pasir adalah seperti berikut:-

Ringgit lahan 55 orang (37%). Ciri tadi memberi maklumat bahawa

Jadual 1

Daerah Kampung Semaloi Dan

Bukit Pasir Butir-Butir Umum 1967

Luas Kawasan Kampung	
Semaloi dan Bukit Pasir	487.49 ekar
Jumlah penduduk	1,654 orang
Luas Kawasan Sawah	178.69 ekar
Luas Kawasan Kelapa dan Tapak Rumah	135.20 ekar
Dusun	12.75 ekar
Getah	160.55 ekar

Dari kajian yang dilakukan adalah lebih baik jika diberikan gambaran umum tentang bentuk pemilikan tanah di kalangan petani-petani.

Jadual 2 menunjukkan bahawa terdapat 66 orang yang memiliki tanah kurang dari 4 ekar. Jumlah yang dimiliki ialah 118.42 ekar. Manakala 34 orang memiliki tanah lebih dari 4 ekar, yang berjumlah 369.05 ekar. Ini bererti lebih dari 1/2 (66%) dari keluarga yang dikaji memiliki tanah kurang dari

4 ekar. Dari 100 responden yang dikaji, dilapati 27 orang dari petani tidak mempunyai tanah. Jika diampulkan antara bilangan yang tidak bertanah dengan responden yang memiliki tanah kurang dari 2 ekar ia memperlihatkan kadar purata yang tinggi iaitu 57 orang (57%). Oleh itu masalah kelaparan tanah adalah serius di kampung Sempaloi dan Bukit Pasir. Sebahagian besar petani yang tidak bertanah itu telah menyewa tanah T.O.L. atau tanah lesen tumpangan sementara yang dimiliki oleh pihak kerajaan negeri. Terdapat juga mereka yang menyewa tanah dari penduduk tempatan tetapi bilangannya tidaklah begitu ramai.

Jadual 2

Pemilikan Tanah Ikut Kelusus
Bagi 100 Orang Keluarga Di Kampung Sempaloi Dan Bukit Pasir

Luas Dimiliki (Ekar)	Bil. Pemilik	Jumlah Luas Tanah	Peratus
0	27	0	0
0.1-1	12	12.25	2.5
1.1-2	18	45.68	9.4
2.1-4	9	60.49	12.4
4.1-7	16	143.5	29.3
7.1-10	11	125.25	25.7
10.1-15	6	83.75	17.0
15.1-20 ke atas	1	17	3.7
Jumlah	100	487.49	100

Sayugia dinyatakan bilangan petani yang tidak bertanah yang dijadikan responden adalah petani-petani dari luar, iaitu dari negeri Kedah yang telah berpindah dan tinggal menetap di sini. Di dalam bahagian implikasi dari perpindahan orang Kedah ini akan diuraikan secara umum di dalam bab yang berhubung dengan ekonomi dan sosial nanti.

Untuk memudahkan kajian, adalah lebih sistematik jika dibahagikan terlebih dahulu jenis tanah di kawasan ini kepada dua bahagian umum. Pertama, jenis "tanah darat" mengikut istilah yang dipakai di sini, dan kedua tanah sawah. Pembahagian umum begini diharap dapat memberikan gambaran kasar terhadap corak penggunaan tanah di sini. Di dalam hal menentukan samada tanah yang digunakan khusus untuk pertanian atau tanah tapak rumah timbul sedikit kesukaran. Berlainan dengan tapak rumah di bandar ianya mempunyai pengertian yang khusus untuk tempat kediaman sahaja, tetapi di kampung ini atau di kebanyakan kampung, kawasan tapak rumah juga ditanami dengan pokok kelapa atau dusun. Di dalam kontek kampung Sempaloi dan Bukit Pasir keadaan ini wujud. Oleh itu untuk melihat tanah jenis ini, maka disatukan saja tanah tapak rumah dengan penggunaan tanah untuk tanaman kelapa.

Jadual 3 akan menerangkan dengan lebih jelas akan perkara di atas.

Jadual 3

Bilangan Pemilik Mengikut Penggunaan Tanah Bagi 100 Orang Responden

Penggunaan Tanah	Luas (Ekar)	Peratus
Tanah Sawah	178.69	36.7
Tanah Getah	160.55	32.9
Tanah Kelapa & Tapak Rumah	135.20	27.7
Dusun	12.75	2.6
JUMLAH	487.49	99.9

Dari data di atas dapat dilihat empat jenis tanah yang utama di kawasan ini

- a. Tanah Sawah
- b. Tanah Getah
- c. Tanah Kelapa dan Tapak Rumah
- d. Tanah Dusun

i. Pemilikan Tanah Sawah

Pemilikan tanah sawah merupakan peratus pemilikan yang paling tinggi (lihat jadual di bawah) iaitu kira-kira 75 peratus. Akan tetapi tidak semua 100 responden

yang dikaji memiliki tanah sawah sendiri.

Ada di antaranya yang menjadi penyewa samada menyewa dengan penduduk tempatan atau dengan kerajaan, dengan cara menduduki tanah lesen tumpangan sementara (LTS). Jadual di bawah menunjukkan bilangan responden yang memiliki tanah sawah berdasarkan luasnya.

Jadual 4

Pemilikan Tanah Sawah Bagi 100 Orang
Keluarga Mengikut Keluasannya

Luas (Ekar)	Bil. Pemilik	Jumlah Keluasan (Ekar)	Peratus
0	22	0	0
0.1-1	9	8	3.92
1.1-2	20	36.24	17.79
2.1-4	38	72.39	40.51
4.1-7	4	24	11.78
7.1-10	3	25.5	12.58
10.1-15	4	12.56	6.16
JUMLAH	100	178.69	92.68

Berdasarkan jadual di atas, terdapat seramai 22 orang yang tidak mempunyai tanah langsung; manakala terdapat seramai 89 orang memiliki tanah sawah kurang dari 4 ekar. Jumlah tanah

yang dimiliki oleh mereka ialah 116.63 ekar, meliputi 65.3% dari jumlah kluasan ke seluruhannya iaitu 178.69 ekar.

Bilangan pemilik yang memiliki tanah seluas 4.1 ekar ke atas ialah 11 orang, jumlah milik mereka ialah 62.06 ekar. Jika dikira jumlah hitung panjang kebanyakannya penduduk di sini memiliki tanah kurang dari 4 ekar iaitu berjumlah 116.63 ekar.

Majoriti penduduk di sini menanam padi dua kali setahun. Ketika kajiselidik dibuat tidak ada seorang pun petani yang mengaku pernah menanam sayuran untuk dijual di pasar Endau. Tidak ada lain-lain tanaman ditanam selain daripada padi.

ii. Pemilikan Tanah Getah Bagi 100 Orang Keluarga

Jadual 5

Berdasarkan Luas Yang Dimiliki

Luas (Ekar)	Bil. Pemilik	Jumlah Kluasan	Peratus
0	66	0	0
0.1-1	1	0.68	0.41
1.1-2	7	12	7.5
2.1-4	11	35.22	21.52
4.1-7	9	48.25	29.50
7.1-10	3	24.9	15.23
10.1-15	2	22.5	13.8
Lebih dari 15	1	17	10.4
Jumlah	100	160.55	98.36

Tanah getah merupakan tanah yang kedua terbesar yang dimiliki. Luas keseluruhannya ialah 160.55 ekar. Jumlah pemiliknya ialah 34 orang dari seluruh keluarga yang dikaji. Berpandukan gambarajah di atas didapati hanya 1 orang yang memiliki lebih dari 15 ekar. Beliau ialah seorang anak dara tua yang mewarisi harta pusaka ayahnya. Begitu juga, hanya seorang saja yang memiliki tanah kurang dari 1 ekar. Selebihnya 7 orang memiliki seluas 1.1-2 ekar, 11 orang memiliki antara 2.1-4 ekar, 9 orang memiliki 4.1-7 ekar, 3 orang memiliki 7.1-10 ekar dan 2 orang memiliki 10.1-15 ekar. Umumnya pola pemilikan tanah getah di sini menunjukkan kadar keluasan yang sederhana iaitu antara 2.1-7 ekar.

iii. Pemilikan Tanah Kelapa dan Tapak Rumah

Seperti yang telah disebut secara umum di bahagian awal, adalah sangat sukar untuk mengasingkan tapak rumah dengan tansman kelapa. Ini disebabkan sebahagian besar dari pemilik yang dikaji menanam kelapa di kawasan rumah mereka. Oleh itu di dalam menentukan pola pemilikan tanah jenis ini maka tanah tapak rumah dan tanah kelapa dikirakan sekali saja; seperti yang dicatitkan di Jadual 6.

Dari Jadual 6 didapati saiz keluasan yang paling ramai dimiliki bagi tanah jenis ini ialah 64.1 ekar, yang dimiliki oleh seramai 31 pemilik. Manakala 21 orang memiliki seluas 0.1-1 ekar iaitu yang berjumlah 17.1 ekar, 14 orang yang memiliki tanah seluas 2.1-4 ekar yang jumlah keluasannya

43 ekar. Hanya 3 orang yang memiliki tanah seluas 7.1-10 ekar, yang berjumlah 11 ekar saja. Jumlah keseluruhan untuk tanah tapak rumah dan kelapa ialah 135.20 ekar.

Jadual 6

Pemilikan Tanah Tapak Rumah dan Kelapa
Bagi 100 Keluarga Mengikut Luas Yang Dimiliki

Luas (Ekar)	Bil. Pemilik	Jumlah Keluasan	Peratus
0	31	0	0
0.1-1	21	17.1	12.6
1.1-2	31	64.1	47.40
2.1-4	14	43	31.8
4.1-7	3	11	8.1
Jumlah	100	135.2	99.90

iv. Tanah Dusun

Tanah dusun merupakan tanah yang terkecil sekali samada dari segi jumlah pemilik atau jumlah keseluruhannya. Cuma terdapat 6 orang saja yang memiliki; jumlah keseluruhan milik ialah 12.75 ekar. Di mana 0.1-1 ekar dimiliki 2 orang yang berjumlah 2 ekar, 1.1-2 ekar dimiliki oleh 2 orang saja, jumlahnya 4 ekar dan 2.1-4 ekar juga dimiliki oleh 2 orang berjumlah 6.75 ekar.

Jadual 7

Pemilikan Tanah Dusun Bagi 100 Orang Keluarga Mengikut Luas Yang Dimiliki

Luar (Ekar)	Bil. Pemilik	Jumlah Kluasan	Peratus
0	94	0	0
0.1-1	2	2	15.7
1.1-2	2	4	31.4
2.1-4	2	6.75	52.9
Jumlah	100	12.75	100.0

Adalah suatu hal yang nyata bahawa jika dilihat dari segi kepentingan pergantungan tanah, pemilik-pemilik lebih bergantung kepada tanah sawah sebagai sumber hasil iaitu penghasilan padi sebagai punca makanan utama. Sementara tanaman kelapa hanya merupakan tanaman untuk dimakan, tambahan pula kelapa tidak begitu penghasilannya. Kebanyakannya tidak berbuah lebat dan memerlukan baja yang banyak sebelum ia berbuah lebat. Tidak ramai yang memiliki tanah dusun buahan. Jenis pokok buahan yang kerap ditanam ialah rambutan, durian, langsat dan seumpamanya. Malangnya beberapa orang pemilik dusun yang ditemui mengakui bahawa pokok buah-buahan mereka jarang berbuah, atau jika berbuah pun tidak begitu lebat. Kemungkinan besarnya ialah kerana faktor tanah pasir bergambut tidak sesuai dengan tanam-tanaman tersebut.

1.3 Cara-cara Pemilikan Tanah

Kini akan dianalisa pula cara-cara pemilikan tanah, samada

terdapat trend pengumpulan harta tanah di kalangan masyarakat di sini atau wujud keadaan yang sebaliknya. Bagi penduduk kampung Semaloi dan Bukit Pasir terdapat empat cara pemilikan.

- i. Cara Teroka - melalui permohonan dengan Kerajaan
- ii. Cara Pusaka
- iii. Cara Beli
- iv. Cara Sewaan Tanah-tanah Tumpangan Sementara (TOL)

i. Pemilikan Cara Teroka

Pemilikan tanah cara ini meliputi kawasan yang diberi oleh pihak Kerajaan negeri apabila berlaku kelulusan permohonan dengan cara dibahagi-bahagikan kepada penduduk yang tidak bertanah. Jika ditinjau dari sejarah awal Kampung Semaloi dan Bukit Pasir - ia merupakan kawasan kampung-kampung yang sebahagiannya ada yang baru saja diteroka. Oleh kerana itu pemilik tanah cara teroka ini telah pun mempunyai geran yang sah. Berbeza dengan pemilik tanah TOL, di mana petani hanya dibenarkan menduduki tanah tersebut dalam tempoh tertentu saja; biasanya setiap tahun lesen terpaksa diperbaharui untuk membolehkan tanah itu diusahakan secara sah.

Dari jumlah tanah sawah kira-kira 28.48% adalah didapati dengan cara teroka, meliputi kawasan seluas 50.9 ekar. Saiz tanah sawah yang diteroka adalah tidak seragam;

tetapi sebahagian besarnya adalah kurang dari 2.1-4 ekar.

Jadual 8

Jumlah Pemilikan Tanah Yang Dimiliki Dengan Cara Diteroka

Jenis Tanah	Jumlah Semua Tanah	Luas Yang Diteroka
Tanah Sawah	178.69	28.48% (50.9 ekar)
Tanah Tapak Rumah dan Kelapa	135.28	44.19% (59.75 ekar)
Getah	160.55	50.32% (80.8 ekar)
Dusun	12.75	0
Jumlah	487.49	191.45

ii. Cara Pusaka

Jadual 9

Jumlah Tanah Yang Dimiliki Cara Pusaka

Jenis Tanah	Jumlah Semua Tanah	Luas Tanah	Peratus
Tanah Getah	160.55	39.25	42.20
Tanah Sawah	178.69	20.24	21.8
Tanah Tapak Rumah dan Kelapa	135.20	28.5	30.6
Dusun	12.75	5	5.4
Jumlah	487.49	92.99	100.0

Cara pusaka bermaksud pembahagian tanah secara Islam.

Mengikut sistem Faraid pembahagian tanah akan dilakukan apabila berlaku kematian ketua keluarga, harta-hartanya akan dibahagi-bahagikan kepada pewarisnya seperti anak, isteri dan saudara-saudara si mati yang terdekat.

Pembahagian cara ini dianggap sebagai salah satu punca pemecahan saiz tanah hingga menjadi tidak ekonomik untuk diusahakan.

Jika difahami benar-benar, yang dituntut bukan pemecahan saiz tanah seperti yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa negeri (PBN). Tetapi yang dituntut dalam sistem Faraid ialah pembahagian hasil dari tanah yang dipusakai itu dilakukan secara adil sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Islam.

Dalam hal kampung Semaloi dan Bukit Pasir perkara ini tidak terkecuali. Seperti yang ditunjukkan di dalam jadual 9 milik tanah pusaka yang paling luas ialah untuk tanah getah, iaitu 39.25 ekar, yang dimiliki oleh seramai 8 orang; tanah kelapa dan tapak rumah 11 orang untuk jumlah keluasan 28.5 ekar. Sementara tanah padi pula ialah seluas 20.24 ekar yang dimiliki oleh seramai 10 orang; tanah dusun cuma 5 ekar saja yang dimiliki oleh 2 orang pemilik. Jumlah semua pemilik dalam kategori ini ialah 31 orang saja.

iii. Cara Beli

Di Kampung Semaloi dan Bukit Pasir pemilikan tanah

secara pembelian adalah paling kecil jumlahnya, iaitu seramai 21 orang sahaja. Jumlah keluasannya ialah 51.5 ekar. Di samping membeli terdapat 6 orang yang telah memiliki tanah secara teroka, yang sebelumnya dibeli dari telah dipohon terdahulu oleh orang yang menjualnya. Jika dibandingkan dari segi saiz tanah yang didapati secara teroka dengan tanah yang didapati secara beli, saiz tanah yang diteroka adalah lebih luas; hitung panjang saiz tanah yang dibeli ialah kurang dari 2 ekar, sementara saiz minima tanah yang diteroka ialah antara 2.1-4 ekar.

Jadual 10

Jumlah Tanah Yang Dimiliki Dengan Cara Beli

Jenis Tanah	Jumlah Semua Tanah	Luas Tanah Yang Dimiliki	Peratus
Tanah Sawah	178.69	9.5	18.6
Tanah Getah	160.55	26.65	52.20
Tanah Tapak Rumah dan Kelapa	135.20	15.05	29.4
Tanah Dusun	12.75	0	0
Jumlah	487.49	51.05	100.0

Dari jadual di atas adalah terbukti bahawa saiz pemilikan tanah secara beli ini adalah yang paling sedikit. Mengapa keadaan ini wujud adalah satu hal yang menarik untuk dikaji, walau bagaimanapun soal ini akan disentuh di dalam bab yang menghuraikan implikasi ekonomi terhadap petani di kampung-kampung ini.

iv. Pemilikan Tanah Secara Sewaan

Terdapat seramai 22 orang petani yang mengusahakan tanah secara menyewa tanah kerajaan dengan lesen tumpangan sementara (TOL). Tanah lesen tumpangan sementara ialah tanah-tanah yang diberi kebenaran oleh pihak berkuasa negeri kepada mana-mana orang atau badan untuk melakukan sesuatu aktiviti di atas tanah, di mana tanpa kebenaran yang demikian seseorang itu dianggap sebagai penceroboh (s.65 KTN).⁹

Pembelian dan penjualan tanah yang berlaku adalah berpunca dari beberapa sebab. Dalam kes penjualan tanah sawah seluas 9.5 ekar ia melibatkan 2 orang petani Kampung Semaloi. Tanah itu telah dijual kerana ia telah memasuki tanah rancangan FELDA. Pembelinya pula ialah 3 orang petani yang berasal dari Kedah dan telah berpindah dan menetap di situ. Penjualan berlaku dalam tahun 1973. Tetapi tanah sawah yang seluas 3.5 ekar baru saja dijual dalam tahun 1979.

Dalam kes penjualan tanah getah pula, kesemuanya telah berlaku dalam tahun-tahun 1960an. Jumlah tanah yang terlibat ialah 26.65 ekar, sementara petani yang terlibat dalam penjualan itu seramai 5 orang. Terdapat 2 orang dari golongan petani, tetapi mereka merupakan adik beradik yang telah lama bekerja di Kuala Lumpur, lepasan Universiti Malaya dan menetap di sana. Sementara yang membelinya juga tidak lagi menetap di Kampung Semaloi tetapi telah berpindah ke Kuantan. Sumber tentang penjualan tanah ini diperolehi dari orang tua, bapa kepada dua bersaudara tadi. Dalam kes penjualan yang kedua, ia terjadi di dalam

keluarga petani itu sendiri, iaitu Encik Atan bin Osman yang juga menjadi Ketua Kampung Semaloi. Oleh kerana tanah pusaka yang ditinggalkan cuma 5 ekar sahaja sedangkan adik beradiknya 6 orang, maka menurut beliau tidaklah menguntungkan jika dipecahkan untuk dibahagikan di antara adik beradiknya. Tambahan pula saudara-saudaranya itu ada yang telah berpindah memasuki tanah rancangan, dan ada yang berpindah kerana mengikut suami.

Sementara 3 orang lagi yang terlibat di dalam penjualan tanah tidak dapat dihubungi kerana telah berpindah ke kampung lain. Tentang pembelinya pula adalah dari penduduk Kampung Semaloi dan seorang saja petani Kedah; petani ini mendapat modal untuk membeli tanah getah seluas 4 ekar, dengan cara menjual tanahnya di Pendang Kedah seluas 1 relong dengan harga 20,000 ringgit.

Mengenai tanah tapak rumah dan kelapa, tidak ada kes penjualan tanah kebun kelapa; tetapi terdapat 6 orang petani yang menjual tanah tapak rumah yang kesemuanya berjumlah 15.05 ekar.

Dari kajian yang dilakukan di kedua-dua buah kampung ini tidak terdapat kecenderungan penduduk di sini bertindak untuk membesarkan saiz milik tanah mereka. Oleh itu pengumpulan harta tanah sebagai mana yang terjadi di Kampung Bagan atau Kerdau tidak terjadi di Kampung Semaloi dan Bukit Pasir. Sungguhpun terdapat petani yang memiliki 10 - 15 ekar tanah tetapi tanah yang diperolehi itu adalah melalui pusaka dan diteroka sendiri, sejak beberapa lama dahulu.

Dalam kes Kampung Sempaloi dan Bukit Pasir jumlah tanah TOL yang dikerjakan oleh petani adalah luas. Dari jadual 11 di bawah luas tanah sawah sahaja ialah 78.05 ekar (atau 43.6%), yang melibatkan 22 orang petani.

Jadual 11

Jumlah Tanah Yang Dimiliki Secara Sewaan

Jenis Tanah	Jumlah Semua Tanah	Luas Tanah Sewaan	Peratus
Tanah Sawah	178.69	78.05	43.6
Tanah Getah	160.55	34.00	21.17
Tanah Kelapa dan Tapak Rumah	135.20	31.98	23.65
Dusun	12.75	6	47.05
Jumlah	487.49	150.03	135.47

Kadar pemilikan tanah sawah yang tinggi ini adalah melibatkan faktor sosio-ekonomi. Sebahagian besar pemilik adalah petani-petani yang tidak memiliki tanah langsung atau yang memiliki tanah kurang dari 2.1-4 ekar. Jenis tanah darat yang tidak begitu subur iaitu dari jenis tanah gambut dan berpasir adalah tidak ekonomikal jika ditanami getah atau kelapa. Tambahan pula luas tanah darat untuk disewa adalah sempit; oleh itu hanya di bahagian tanah sawah saja peluang mereka masih terbuka. Dari pertemuan yang dibuat dengan petani-petani penyewa, mereka berpendapat "jika mereka menanam padi saja pun walaupun tidak senang tetapi beras tidak payah dibeli." Berbeza dengan tanaman kelapa

kerana hasil pulangannya lambat dan risikonya adalah lebih besar.

Apabila kadar penyewaan adalah tinggi di kalangan petani maka berlakulah beberapa penyalahan gunaan tanah TOL ini. Dari kajian yang dilakukan ramai petani yang berasal dari Kedah umumnya memiliki tanah TOL ini dengan cara membelinya dari petani tempatan yang telah berpindah ke tempat lain. Satu istilah yang biasa digunakan dalam proses jual beli ini dipanggil "umarah"; proses ini berlaku dengan cara petani yang membeli membayar sagu hati sehanyak yang telah disetujui oleh kedua belah pihak. Oleh kerana pertukaran milik tanah tidak dibenarkan seperti mana yang terkandung dalam KTM, petani sudah tentu tidak akan melapurkan perkara ini ke pengetahuan pihak berkuasa negeri.

1.4 Pola Pemilikan Tanah Di Kalangan Petani

Di dalam bahagian cara-cara pemilikan tanah telah dijelaskan cara-cara bagaimana petani memperolehi tanah-tanah yang terdapat di Kampung Sempoi dan Bukit Pasir. Telah juga dijeniskan bentuk-bentuk tanah yang dimiliki. Di dalam bahagian ini pula akan diperjelaskan corak pemilikan tanah di kalangan petani.

Jadual 12

Pembahagian Pemilikan Tanah Di Kalangan
100 Ketua Keluarga

Kategori	Bil. Orang	Peratus	Jumlah Ekar	Peratus
Pemilik	10	10	58.69	12.04
Pemilik, Pemilik-Pengerja	0	0	0	0
Pemilik-Pengerja	70	70	315.85	64.8
Pemilik-Pengerja, Pengerja	13	13	112.75	23.13
Penyewa	7	7	25.5	5.23
Jumlah	100	100	487.27	105.2

Tuan Tanah (Pemilik)

Tuan tanah ialah mereka yang memiliki tanah tetapi kerana sebab-sebab tertentu tidak mengerjakan tanah itu sendiri. Di Kampung Semaloi terdapat 7 orang dan Kampung Bukit Pasir 3 orang. Di antara sebab mereka tidak mengusahakan sendiri tanah itu, dari kajian yang dilakukan didapati 4 orang pemilik yang tidak mampu mengerjakan tanah sawah kerana telah tua dan mereka ini adalah orang perempuan. 2 orang tua lelaki yang telah uzur; sementara 4 pemilik yang lain tidak bergantung kepada tanah kerana mereka bekerja di Singapura sebagai buruh kontrek. Jumlah keseluruhan tanah yang dimiliki oleh tuan-tuan tanah ini ialah 58.69 ekar. Di samping tanah sawah terdapat juga tanah getah. Kesemu tanah yang dimiliki itu diperolehi secara teroka. Kedua, tanah yang dimiliki itu terlalu sempit dan mendapati tidak

ekonomik untuk diusahakan, sebaliknya lebih cenderung melakukan kerja-kerja lain yang boleh menguntungkan mereka. Ketiga, tanah itu disewakan kepada petani yang ingin menyewa.

Pemilik-Pengerja Serta Penilik

Kategori ini termasuk pemilik yang mengerjakan tanahnya sendiri tetapi kerana tidak mampu mengerjakan seluruh tanahnya maka ia menyewakan sebahagiannya kepada petani lain. Di dalam kes ini sebenarnya terdapat dua orang petani yang boleh dikategorikan dalam kumpulan ini; tetapi masalahnya petani ini tidak menyewakan tanah mereka, sebaliknya tanah yang seluas 1 ekar dan 1.5 ekar itu diserahkan kepada saudara mereka tanpa sebarang bentuk sewaan pun.

Pemilik-Pengerja

Pemilik-pengerja bermaksud pemilik yang mengerjakan sendiri tanahnya tanpa disewa kepada orang lain. Di sini tidak bererti mereka ini bergantung seratus peratus kepada tanah semata-mata. Sebahagiannya mengerjakan tanah secara sambilan, di samping membuat kerja-kerja lain untuk menambah pendapatan. Bilangan responden yang terlibat adalah amat ramai, iaitu kira-kira 70% melibatkan tanah seluas 315.83 ekar yang terdiri dari jenis-jenis tanah sawah, yang merupakan jenis terbesar, dan tanah getah serta kelapa.

Pemilik-Pengerja Serta Pengaria

Mereka yang dimaksudkan di sini ialah pemilik yang mengerjakan sendiri tanahnya dan menyewa sebahagian yang lain untuk menambah

pendapatan. Ini ialah kerana tanah yang dikerjakan tidak mencukupi hasilnya kerana terlalu sempit dan tidak ekonomikal untuk dikerjakan. Dalam kes ini terdapat seramai 13 orang petani yang terlibat dalam kategori ini. Melibatkan tanah seluas 112,75 ekar dari jumlah tersebut 80.05 ekar adalah tanah sawah, 32.45 ekar adalah tanah kelapa dan tidak ada tanah getah.

Pengerja (Penyewa)

Iaitu petani yang mengerjakan tanah dengan cara menyewa. Dalam kategori ini petani bukan setakat menyewa tanah saudara mala, yang biasanya tidak dikenakan sebarang sewaan, bahkan terdapat juga petani yang menyewa tanah kawan. Jumlah mereka yang termasuk dalam kategori ini ialah seramai 7 orang (7%) dengan melibatkan tanah seluas 25.5 ekar. Petani-petani ini tidak mempunyai tanah langsung. Sebenarnya jika diteliti di dalam bahagian awal bab ini ada dinyatakan bahawa terdapat 22 orang petani yang terlibat di dalam penyewaan tanah kerajaan atau menduduki tanah tumpangan sementara. Tetapi masalahnya terdapat juga petani yang telah bertanah yang masih menjalankan usaha penanaman di tanah TOL itu; sungguhpun mereka telah memiliki tanah kerajaan kerana ingin menambahkan lagi luas kawasan yang ditanam.

Pola pemilikan dari segi umur juga adalah penting untuk kita ketahui. Sebagai salah satu faktor sosiologi, umur pemilik-pemilik dapat dijadikan sebagai satu asas untuk menganalisa umur-umur produktif pemilik-pemilik. Ini akan lebih jelas jika kita berpandukan kepada jadual berikut.

Jadual 13

Pola Pemilikan Tanah Mengikut Umur

Umur/Tanah	0-0.1	1.1-2	2.1-4	4.1-7	7.1-10	10.1 & lebih
Bawah 31 - 35	1	3	-	6	-	-
36 - 40	-	5	13	4	3	-
41 - 45	5	5	15	2	2	-
46 - 50	-	3	6	7	1	-
51 - 60	-	2	1	3	4	-
61 lebih	-	-	1	2	2	-

Jadual di atas menunjukkan satu kecenderungan yang sedia wujud di kalangan petani untuk memiliki tanah. Pemilikan tanah dalam saiz yang kurang dari 2.1 ekar menunjukkan kadar kecenderungan yang tinggi, bagi golongan petani yang berumur antara 41 - 45 tahun. Terdapat seramai 25 orang petani yang memiliki kurang dari 4 ekar; manakala hanya terdapat 9 orang yang memiliki tanah lebih dari 7 ekar. Mereka yang berumur dalam lingkungan 41 tahun keatas, terdapat seramai 14 orang petani memiliki tanah seluas 4.1-7 ekar. Cuma 2 orang yang dalam kategori umur yang sama memiliki lebih dari 7 ekar.

Satu hal yang menarik perhatian di sini ialah dari segi struktur umur didapati dari 72 orang petani yang bertanah tetapi tidak dari kategori penyewa berumur 46 tahun keatas; sementara golongan yang menyewa ialah seramai 26 orang (26%) pula tergolong dalam kategori

umur 46 tahun kebawah. Ini bererti petani yang menjadi penyewa tanah adalah terdiri dari mereka yang berumur lebih muda dari petani yang bertanah. Kebanyakan petani yang menyewa ini memiliki tanah kurang dari 3 ekar; justeru mendorong petani-petani menyewa tanah TOL kerajaan atau mengerjakan tanah saudara mara untuk mengambah pendapatan mereka.

Petani yang tidak menyewa terdiri dari petani yang sudah tua dan tidak mampu mengerjakan tanah yang lebih luas. Ada kemungkinan jika mereka lebih muda keinginan untuk meluaskan saiz tanaman padi mereka akan bertambah.

1.5 Kategori Umur

Dari segi umur petani-petani boleh dibahagikan kepada 3 peringkat: golongan muda berumur 31 tahun kebawah, golongan ini merupakan golongan yang terkecil sekali. Dalam kes Kampung Semalei tidak terdapat seorang petani pun yang berumur 31 tahun kebawah. Ketiadaan golongan ini besar kemungkinan kerana mereka masih belum dapat mewarisi harta pusaka kerana kedua orang tuanya masih hidup. Satu lagi fenomena biasa yang terjadi di kebanyakan kampung ialah perpindahan anak-anak muda ke bandar atau keluar dari kampung sendiri untuk mencari rezeki.

Peringkat umur yang kedua pula digolongkan ke dalam peringkat umur produktif. Mereka terdiri dari yang berumur 31 - 50 tahun. Golongan ini merupakan yang paling ramai mewakili kategori pemilikan tanah dan menyewa tanah kerajaan. Jumlahnya 85% iaitu 34 orang memiliki

tanah 2.1-4 ekar; 16 orang memiliki tanah kurang dari 2 ekar, 19 orang memiliki antara 4.1-7 ekar; cuma 6 orang memiliki tanah kurang dari 1 ekar dan 6 orang pula memiliki lebih dari 7 ekar. Umur produktif ini diambil kira dari penglibatan mereka di dalam pengkerjaan tanah secara aktif.

Peringkat umur yang ketiga, peringkat umur yang tidak produktif. Golongan ini merupakan golongan yang tua berumur antara 51 keatas. Tetapi bilangannya tidak ramai; hanya 15% dari jumlah keseluruhan petani. Cuma 2 orang memiliki 4.1-7 ekar dan 6 orang memiliki tanah antara 7.1-10 ekar. Sungguhpun ada di antara petani tua yang memiliki tanah lebih dari 7 ekar keatas tetapi itu tidak bererti mereka menikmati harta tanah mereka dengan lumayan. Kerana ketiadaan kemampuan untuk mengerjakan tanah petani ini tetap tergolong dalam lingkungan petani yang berpendapatan kecil.

BAB III

DAYA PENGELOUARAN TANI

Di dalam bab ini akan disentuh beberapa aspek yang melibatkan daya pengeluaran petani di kawasan ini. Di samping faktor-faktor yang mempengaruhi daya pengeluaran tersebut akan dianalisa faktor-faktor yang bercorak sosiologikal, yang pada anggapan saya haruslah disekalikan dalam kajian ini.

Tujuan utama mengadakan rancangan tanaman padi dua kali setahun ialah untuk meninggikan daya pengeluaran petani dan pendapatan petani. Produktiviti petani bergantung kepada luas tanah yang dikerjakan, mutu tanah, cara tanah itu diusahakan di samping faktor-faktor sampingan yang lain seperti penggunaan alat-alat moden yang termasuk jentera, taliair, baja kimia, racun serangga dan lain-lain yang mencukupi. Untuk mengetahui daya pengeluaran tani kita bahagikan jenis yang dikerjakan kepada 4 kategori tanah.

Tanah di kampung Sempaloi dan kampung Bukit Pasir dapat dibahagikan kepada 4 jenis, berdasarkan yang banyak dikerjakan. Tanah sawah merupakan tanah yang diusahakan secara giat oleh petani di sini. Tanah getah pula dikerjakan secara kebun kecil dari kajian yang dilakukan di sini terdapat masalah tidak ada orang yang mahu mengerjakan tanah getah. Banyak getah yang tidak

ditoreh dan terbiar begitu. Tanah kelapa dan tapak rumah pula dari segi penggunaannya tidaklah begitu luas berbanding dengan penggunaan tanah sawah.

Jumlah keluasan tanah sawah di kedua-dua buah kampung ini ialah 178.69 ekar. Sawah ini terletak tidak jauh dari kampung. Ini adalah merupakan ciri biasa tanah persawahan di Malaysia. Dari pemerhatian yang dilakukan tidak ada tanaman lain yang ditanam selain dari padi. Kenyataan ini dapat disahkan dari beberapa responden yang ditemui. Pengerjaan tanah sawah melibatkan beberapa faktor iaitu:-

- i. Tenaga buruh dan teknologi yang digunakan
- ii. Jenis benih yang ditanam
- iii. Penggunaan baja dan racun kimia
- iv. Sistem taliair

i. Tenaga Buruh

Tenaga buruh yang digunakan ialah tenaga keluarga bahkan ianya merupakan yang terpenting. Tetapi tenaga buruh upahan juga digunakan pada ketika tertentu saja; seperti masa membajak sawah, mengubah dari tapak semaihan dan memotong padi. Dalam proses penggunaan tenaga buruh keluarga kerap kali tidak memperlihatkan pembahagian tenaga kerja yang khusus. Kaum lelaki dan

perempuan mengerjakan pekerjaan yang serupa. Tetapi jenis-jenis pekerjaan yang memerlukan tenaga fizikal yang banyak masih dilakukan oleh kaum lelaki. Dalam kes di kampung Semaloi dan Bukit Pasir satu kecenderungan petani ialah untuk menggunakan buruh upahan. Dan satu hal yang menarik, yang menjadi buruh upahan ini ialah petani-petani yang berasal dari Kedah, tetapi telah berpindah ke sini.

Tenaga buruh kanak-kanak yang digunakan amat kurang.

Kemungkinan yang menjadikan demikian kerana luas kawasan yang ditanam oleh petani secara seorangan adalah kecil saja. Tambahan pula dengan kehadiran buruh upahan menyebabkan tenaga buruh kanak-kanak kurang diperlukan. Satu lagi perubahan yang ketara di kampung ini ialah sangat kurangnya kegiatan bergotong royong atau berderau. Mengikut ketua kampung Semaloi Encik Atan Osman pengerajan sawah secara bergotong royong memang kurang dilakukan oleh penduduk kampung beliau dan amat jarang berlaku sejak akhir-akhir ini. Dari kajian yang dilakukan terdapat beberapa faktor yang boleh diketengahkan seperti:-

- (a) Luas sawah yang dikerjakan jika dilihat secara perseorangan adalah kecil saja. Hitung panjang hanya 3 ekar (dikira satu lot)
- (b) Petani sejauh ini gagal mengikuti jadual yang serentak untuk memulakan tanaman

- (c) Adanya buruh upahan di dalam kampung sendiri
- (d) Buruh dari Jabatan Parit dan Talair yang bertugas menjaga talair

Dari segi faktor (a) kawasan sawah yang dikerjakan oleh petani tidaklah begitu luas. Oleh itu petani boleh mengerjakan sendiri dengan menggunakan tenaga dari ahli keluarga sendiri. Tambahan pula petani di sini tidak mengikut jadual tanaman yang ditetapkan oleh Jabatan Pertanian. Kegagalan petani melaksanakan seperti yang dirancangkan oleh Jabatan Pertanian itu ialah antara lain kerana tidak cukup jentera membajak yang diperlukan supaya tanah dapat dibajak secara serentak. Jentera pembajak memang disediakan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang yang mempunyai cawangan di Pekan Endau. Setiap petani yang menyewa dikenakan \$70/- seekar. Satu masalah yang timbul ialah, oleh kerana buruh (LPP) bekerja dengan badan kerajaan, mereka mempunyai masa kerja yang tetap. Tidak timbul masalah kerja lebih masa. Pentadbiran LPP ini barangkali terlibatkan secara langsung di atas kelewatian menyelesaikan kerja-karya membajak tanah petani seperti yang ditetapkan dalam jadual 7 tanaman jentera pembajak tanah sawah seluas 2000 ekar dan ingin disiapkan secara serentak mengikut jadual menanam Jabatan Pertanian.

Keburukan akibat jika tidak menanam secara serentak memang disedari oleh petani di sini. Ancaman dari musuh-musuh padi seperti tikus, burung, benah perang, kesing dan seumpamanya seringkali menjadi

rungutan petani. Tambahan pula apabila di tengah sawah yang menghijau itu terdapat semak samun atau sawah yang tidak jadi dikerjakan, ia akan menjadi tempat yang strategi bagi musuh-musuh padi bersembunyi. Untuk memusnahkan musuh-musuh itu tidak dapat dilakukan secara bersendirian, tetapi tidak ada kerja gotong royong dilakukan untuk mengatasinya.

Faktor (b) pula akan dibincangkan dengan lebih lanjut di bahagian yang menghuraikan teknologi dalam pertanian. (Sila lihat di bawah)

Faktor (c) dan (d) juga dikatakan bertanggungjawab mengurangkan minat bergotong royong di kalangan petani. Dengan kehadiran buruh dari Jabatan Parit Dan Talair, talair sawah sentiasa dijaga, bekalan air sentiasa dikawal. Petani tidak perlu berderau untuk membersihkannya. Kemudahan untuk mendapatkan buruh upahan memang terdapat di sini. Kedatangan petani Kedah ke kawasan ini bukanlah dengan berbekalan harta yang banyak, mereka adalah petani miskin yang berpindah ke sini untuk mencuba hidup di rantau orang. Oleh itu mereka terpaksa bekerja keras untuk mencapai hasrat mereka itu. Di kampung Semalei dan Bukit Pasir kerja menanam yang melibatkan buruh upah terbahagi kepada 3 peringkat:-

- (a) Pada masa kerja mencabut anak padi dari tapak semaihan. Biasanya upah yang dibayar bergantung kepada banyak anak padi yang dicabut. Satu ikatan 6.50 hingga 7.00 ringgit.
- (b) Upah menanam \$2.50 hingga \$3.00 bagi seorang buruh. Biasanya antara 6 - 10 orang diperlukan untuk

untuk menanam sekeping tanah.

- (c) Upah memotong dan memukul dibuat secara borong-borong biasanya melibatkan antara 15 - 20% dari pendapatan hasil petani. Mengenai faktor (b) pula akan kita perbincangkan dengan lebih lanjut di bahagian yang menghuraikan tentang teknologi dalam pertanian.
- (d) Upah mengangkat (tidak semua petani di sini mengupah untuk kerja mengangkat) \$50 - \$100 bagi satu guni-berat kira-kira 1 pikul.
- (e) Upah memesen \$1.80 satu pikul.

Ada beberapa faktor yang menyebabkan petani menggunakan buruh upah di sini. Antaranya,

- (a) Tenaga ahli keluarga tidak mencukupi sedangkan saiz tanah yang diusahakan besar dan tidak mampu dikerjakan
- (b) Kerana kesuntukan masa akibat dari kelewatan musim seperti kerja mencedeng telah tiba tetapi petani ada yang masih belum bersedia. Kelewatan menyiapkan sawah seperti jentera bajak yang tidak mencukupi sedangkan permintaan petani secara serentak tidak dapat dipenuhi oleh pihak LPP kawasan tersebut.

Apabila padi telah masak ia mesti segera dipotong untuk mengelakkan daripada rosak

- (c) Oleh kerana kezuruan tuan tanah sendiri
- (d) Kesukaran untuk mendapatkan kerja secara bergotong royong. Biasanya tenaga upah ini datangnya dari keluarga petani sendiri. Kesanggupan mereka mengambil upah kerana corak menanam di sini tidak serentak. Jadi petani ada masa untuk menambah pendapatan mereka. Ada juga dari kalangan mereka yang tidak terlibat secara langsung dengan penanaman padi.

1.1 Teknologi Dalam Pertanian

Bahagian ini akan menghuraikan dan membincangkan teknik dan peralatan yang digunakan dalam proses penanaman padi di sini dan implikasinya terhadap aspek ekonomi dan sosio-budaya tani. Sudah menjadi tanggapan umum bahawa pemodenan pertanian secara berancang telah dikemukakan kepada petani. Pemodenan pertanian melibatkan pergerakan dan penggunaan cara-cara serta alat-alat yang baru baik moden dan efisyen berbanding dengan cara lama. Pemodenan teknologi pertanian melibatkan pengetahuan baru dalam bidang pertanian supaya alat-alat baru diperkembangkan, dapat digunakan dengan berkesan.

Penglibatan teknologi pertanian yang asas yang digunakan

oleh petani di sini dapat dipecahkan kepada 3 bahagian:-

(a) Penggunaan biji benih

(b) Penggunaan baja dan racun kimia

(c) Penggunaan alat-alat teknologi

(a) Penggunaan Biji Benih

Dari kajian yang dijalankan petani memang berkecenderungan menggunakan jenis benih padi yang disyorkan oleh Jabatan Pertanian. Benih-benih padi ini dibekalkan sendiri oleh Jabatan tersebut. Di antara jenis padi yang popular di kalangan petani di sini ialah jenis padi ringgan seperti padi mat candu, mahsyuri, padi seridit dan padi merah. Kesemuanya adalah dari jenis padi dua kali setahun. Ada juga petani yang menanam jenis padi berat, yang ditanam sekali setahun. Di antaranya dikerjakan oleh seorang baliu, berumur 48 tahun, yang mengatakan beliau tidak mampu untuk mengerjakan jenis padi dua kali setahun dan lagi pula sebab hidup seorang diri saja tidak memerlukan banyak beras. Dia juga jarang menjual herasnya kesemuanya disimpan untuk kegunaan sendiri. Padi jenis berat ini memerlukan masa yang lama iaitu 6 bulan.

Kawasan sawah Endau di mana terletaknya kampung Semaloi dan Bukit Pasir ini merupakan kawasan yang paling luas sawahnya di negeri Johor. Memandangkan ia merupakan kawasan yang baru diteroka secara intensif oleh petani, Jabatan Pertanian dan Jabatan

Parit dan Talair telah menyediakan kemudahan asas yang sentiasa dijagai untuk kemudahan petani-petani. Sungguhpun begitu masalah kekurangan air masih terjadi terutama ketika berlakunya musim kemarau. Sungguh pun ada sebuah projek empangan kecil di Labung kira-kira 5 batu dari kampung Semaloi, tetapi masih tidak mencukupi. Kajian tentang kesan hydrology tanah, kesuburan tanah, jarak talair dari sawah dan mutu benih tidak dapat dilakukan kerana ia memerlukan jangka masa yang lama untuk mendapatkan data yang terperinci. Barangkali ianya sesuai dilakukan oleh pakar-pakar pertanian.

Dari segi mutu benih padi yang digunakan oleh petani mereka tidak banyak soal. Kebanyakannya yakin benih padi yang diberi oleh Jabatan Pertanian itu adalah yang sesuai untuk ditanam. Dari segi kecekapan menanam dapat dikatakan bahawa petani-petani yang berasal dari Kedah banyak membantu kejayaan tanaman padi di kawasan ini. Tetapi seperti kata ketua kampung Semaloi, yang menjadi matlamat mereka bukanlah siapa yang cekap atau siapa yang kurang cekap dalam bertani, yang lebih penting ialah bagaimana petani-petani secara keseluruhan dapat meninggikan lagi hasil padi mereka selari dengan rancangan untuk meninggikan lagi pendapatan petani miskin di situ.

(b) Penggunaan Baja Dan Racun Kimia

Perlunya baja dan racun kimia untuk menambah pengeluaran memang sangat disedari oleh petani di sini. Mereka mendapat bantuan baja 1.5-2 kampit bagi seekar, sebotol sederhana racun serangga bagi setiap musim menanam. Kesemua ini diperolehi dari Jabatan Pertanian. Oleh

iru masalah baja tidak timbul jika petani dapat mengendalikan padi mereka dengan cekap. Tidak ramai petani yang mampu membeli baja kerana harganya yang mahal, berbanding dengan pendapatan mereka yang rendah. Sebahagian besar petani yang ditemuduga mengeluh bila ditanyakan soal musuh tanaman. Mereka meletakkan ancaman musuh padi sebagai penghalang utama. Di antara musuh-musuh yang sering disebut ialah burung, tikus, benah perang kesing dan ulat padi. Di kawasan sawah ini juga terdapat kawasan seluas 208 ekar sawah padi yang tidak dikerjakan kerana akan dijadikan tanah rancangan Felera. Di samping musuh padi, jenis tanah yang masam (nilai acidnya yang tinggi) juga selalu disuarakan oleh petani. Mengikut mereka tanah yang terlalu masam menyebabkan padi tidak berbuah lebat atau terjadinya padi sampang.

(c) Penggunaan Alat-alat Jentera

Dari kajian yang dijalankan petani di sini menggunakan jentera kubota untuk membajak sawah mereka dan ianya disewa dari LPP. Petani yang memiliki jentera kubota cuma 3 orang saja. Mereka membelinya secara bayaran ansuran dari Jabatan Pertanian; kesemua jentera itu adalah jentera yang sudah terpakai (second hand) dibeli dengan harga \$7000.00. Kadang kala mereka juga mengambil kesempatan mengambil upah membajak sawah. Tetapi ini bergantung kepada kesanggupan mereka menyiapkan sawah sendiri seberapa cepat yang mungkin.

Belum ada petani yang melakukan kerja menuai dengan menggunakan jentera. Sebaliknya ia masih dituai dengan cara yang lama

juga, yang kebanyakannya dilakukan oleh buruh perempuan.

Jika dilihat secara perbandingan dengan kawasan persawahan yang telah maju seperti di projek MADA, kawasan projek Endau ini hanyalah dalam peringkat percubaan sahaja. Oleh itu kajian mengenai kesan penggunaan teknologi yang berat sebelah antara petani miskin dan yang kaya masih belum ketara ujudnya. Kerana kebanyakan petani yang mengerjakan tanah sawah di sini adalah tergolong dalam kategori petani yang miskin. Begitu juga kesan revolusi hijau dalam menunjukkan ketidak seimbangan aliran modal di kalangan penduduk seperti yang pernah terjadi di kawasan pesawahan yang lebih luas. Petani di sini juga mendapat subsidi dari kerajaan melalui Lembaga Padi dan Beras Negara. Kadar bayaran yang diterima adalah sama dengan lain-lain petani di Malaysia. Tetapi fungsi LPN di kawasan ini tidak begitu menonjol kerana kebanyakan petani tidak memasarkan hasil tani mereka kepadanya. Tetapi bukan bererti tidak ada sama sekali yang menjual hasil tani mereka kepada LPM.

1.2 Daya Pengeluaran Petani

Daya pengeluaran petani adalah penentu kepada tingkat pendapatan yang diperolehi oleh mereka. Dengan mengetahui pendapatan petani, kita secara umum dapat mengetahui tingkat taraf hidup mereka. Di dalam usaha meninggikan pendapatan ada faktor yang boleh dikawal oleh petani sendiri, sementara banyak faktor lain di luar kawalan mereka.

Jadual 14

Pengeluaran Padi Bagi Seorang Petani Musim 1 1974

Kategori Petani	Petani Pemilik	Pemilik Pengerja Penilik	Pemilik Pengerja	Pemilik Pengerja Penggerja	Penyewa
Gantang					
300 ke bawah	3	0	10	5	2
300 - 500	5	0	45	6	4
501 - 700	2	0	4	0	0
701 - 900	-	0	11	1	1
901 - 1100 ke atas	0	0	0	1	0

Data Dari Jabatan Pertanian Mersing.

Jadual 14 menunjukkan bahawa pengeluaran padi bagi setiap orang

petani adalah berbeza. Perbezaan ini terjadi kerana ketidak seimbangan tanah serta perbezaan mutu tanah. Pengeluaran petani yang paling rendah ialah 140 gantang, yang dikerjakan oleh seorang petani di tapak seluas 0.5 ekar saja. Pengeluaran yang paling tinggi dikerja oleh seorang petani pemilik pengerja pengerja yang mengerjakan jumlah sawah 7 ekar. Hasil pengeluarannya ialah lebih dari 2000 gantang. Secara keseluruhan dari 100 orang petani yang dikaji hanya 12 orang saja yang menghasilkan lebih dari 900 gantang padi. Yang majoriti iaitu 86 orang, mengeluarkan kurang dari 700 gantang.

Daya pengeluaran di kalangan kelima-lima kategori petani di kampung Semaloi dan Bukit Pasir adalah berbeza-beza. Secara purata

daya pengeluaran bagi semua kategori petani di sana ialah 400 gantang bagi seekar. (Satu lapuran terbaru mencatatkan bahawa daya pengeluaran petani di kawasan KADA ialah antara 400 - 700 gantang seekar. Daya pengeluaran yang paling tinggi ialah di kalangan petani pemilik-pengerja penggerja iaitu 450 gantang seekar, dan yang paling rendah ialah di kalangan petani yang tidak menyewa seperti petani pemilik: iaitu kira-kira 412 gantang seekar. Di kalangan petani penyewa pula daya pengeluarannya yang tertinggi ialah 420 gantang seekar.

1.3 Tanah Getah, Tanah Kelapa dan Tanah Dusun

Seperti yang telah disentuh dalam bab dua kajian ini kluasan tanah getah ialah 160.55 ekar, tanah kelapa dan tapak rumah 135.20 ekar, tanah dusun 12.75 ekar bagi 100 orang responden yang dikaji. Tanah-tanah ini tidak dikerjakan secara produktif, jadi kita tidak akan menyentuh daya pengeluarannya. Cuma akan disentuh di sini faktor yang menyebabkan ia tidak dikerjakan secara intensif. Masalah utama, jika dikira secara purata saiz tanah-tanah tersebut adalah kecil-kecil belaka. Tanaman getah umpamanya tidak begitu subur di sini, kerana jenis tanah yang berpasir dan rendah paras mata ianya menyebabkan penghasilannya kurang. Tenaga muda dari kampung ramai yang berpindah ke bandar besar seperti di Johor Bahru atau Singapura atau ke bandar Kuantan, bekerja sebagai buruh binaan di sana. Pendapatannya jauh lebih lumayan jika dibandingkan dengan kerja di kampung sendiri. Bagi tanah yang di

kerjakan ia hanya menggunakan tenaga buruh keluarga sebagai unit pengeluaran.

1.4 Sistem Yang Berkaitan Dengan Pengerjaan Tanah

Ada beberapa sistem pengerjaan tanah yang wujud di sini.

Dalam kajian ini saya hanya akan menyentuh secara detail sistem sewa, sistem bagi dua dan sistem pawah. Kerana sistem ini ada terdapat di sini.

1. Sistem Sewa

Sistem ini bermaksud petani yang mengerjakan tanah orang lain, dengan cara menyewa. Bayaran sewa biasanya dibuat dalam bentuk wang tunai atau dalam bentuk hasil padi yang dituoi diberikan kepada tuan tanah. Sistem sewa yang dimaksudkan di sini bukanlah tanah tuan tanah yang disewa. Sebaliknya dalam kes kampung Semaloi dan Bukit Pasir petani menyewa tanah lesen tumpangan sementara kerajaan (LTS). Kawasan tanah sawah yang sentiasa terbuka untuk diteroka ini kebanyakannya masih belum diberi geran lagi oleh kerajaan. Oleh itu peluang untuk bertanam padi boleh didapati dengan cara memohon lesen dari pemungut hasil tanah daerah Mersing. Setiap pemohon akan dibenarkan hanya mengerjakan satu lot tanah seluas 3 ekar. Bayaran lesen tumpangan sementara ini ialah \$9.00 setahun.

Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan ialah bagi tempoh yang tamat pada tiap-tiap tahun untuk selama tiga tahun (seksyen 67 KTN)

Ini telah digunakan beberapa kali tanpa penjelasan. Tetapi dari apa yang berlaku, tanah sawah yang disewa oleh petani tanah TOL adalah melebihi dari 3 tahun, tetapi mereka masih lagi dianggap belum layak untuk mendapat geran. Dilemma ini sangat dirasai oleh petani-petani dari Kedah dan Perlis yang datang secara bersendirian tadi.

LTS adalah dikeluarkan atas nama peribadi dan tidak boleh dipindah milik atau dialih hak atau tidak boleh dijadikan sebagai harta pusaka atau dilakukan apa-apa urusniaga ke atasnya (seksyen 68KTM). Tetapi apa yang berlaku di kalangan petani yang menyewa tanah TOL ini ialah setengah dari mereka melakukan urusan jual beli secara tidak resmi di kalangan mereka. Dari sinilah terbitnya perkataan 'umarah' atau bayaran sagu hati kepada petani yang tidak ingin mengerjakan tanah sawah itu lagi. Kejahilan terdapat undang-undang ini menyebabkan ada petani yang tertipu. Tetapi ada pula petani yang sanggup membayar secara sukarela asalkan mereka dapat tanah itu atas dasar simpati ke atas penat lelah petani yang pertama meneroka tanah sawah itu pada awal-awalnya.

Menurut Nik A. Rashid terdapat beberapa pendekatan sosial, ekonomi dan undang serta pentadbiran di sebalik pemberian tanah LTS ini; dari segi pendekatan sosial ia akan menghalang penerokaan tanah secara haram di kalangan petani. Jika ini terjadi ia akan hanya merugikan PBN semata-mata. Oleh itu pemberian LTS akan sekurang-kurangnya dapat mengatasi masalah ketiadaan tanah untuk dikerjakan.

Dari segi pentadbiran pula dapat dijadikan sebagai satu cara ujian kebolehan pemohon, samada mereka dapat mengerjakan tanah dengan pendapatan yang memuaskan dan tidak membiarkan tanah itu jadi belukar atau lakang.

Dari segi ekonomi pula pemberian lesen ini dianggap bukan saja menguntungkan pemegang lesen tetapi juga kepada negara. Pendapatan dari lesen ini dikira \$10.00 setahun bagi satu ekar. Jika ditinjau dari hasil negara hasil dari bayaran lesen ini ialah berjumlah \$2.1 juta pada tiap-tiap tahun.

Sungguh pun kedudukan mereka di tanah kerajaan itu tidak terjamin tetapi ketabahan mereka mengerjakan tanah adalah dikagumi. Mereka sanggup menanggung ketidakpastian hidup di tanah lesen itu. Bahkan petani-petani tempatan memang mengakui kesungguhan mereka dan kecekapan mereka dalam mengusahakan bendang di sini. Kemungkinan kerana pengalaman mereka sebagai petani tulin di Kedah dapat di harapkan untuk memajukan kawasan sawah di sini.

Seperti yang telah disebut di bahagian awal bab ini sebuah kawasan tanah rancangan untuk peneroka Felcra sedang di siapkan di kawasan sawah ini. Menurut pengurus Felcra kawasan Endau-Mersing rancangan ini akan mengambil pesertappeserta dari negeri Kedah dan Perlis yang tidak bertanah. Kedatangan mereka itu akan dibiayai sepenuhnya oleh pihak Felcra. Bagi peserta-peserta yang dipilih nasib mereka adalah lebih baik jika dibandingkan dengan rakan-rakan mereka yang datang secara sendirian tanpa sebarang

bantuan dari mana-mana pihak. Samada peserta Felcra ini mempunyai kegigihan yang sama seperti rakan-rakan mereka masih belum dapat dipastikan lagi.

Bagi empat orang petani yang menyewa tanah tuan tanah, mereka mempunyai hubungan persaudaraan dengan tuan tanah tersebut. Dua orang mengerjakan tanah abang saudara, manakala dua orang lagi mengerjakan tanah ibu saudaranya. Kesemua tanah yang dikerjakan itu adalah seluas 0.5 ekar setiap seorang iaitu 2 ekar semuanya. Tidak ada bentuk bayaran secara wang tunai sebaliknya dibayar dalam bentuk hasil padi.

1.5 Implikasi Sistem Sewa

Di dalam menghuraikan implikasi sewa kita akan membuat dua pembahagian. Yang pertama kita akan huraikan kesan dari segi petani yang menyewa tanah leSEN kerajaan dan kedua akan dikaji kesan terhadap petani yang menyewa tanah tuan tanah.

(i) Implikasi Sewaan Tanah TOL

Jenis sistem sewa yang kedua ialah sewaan yang dibuat ke atas tanah tuan tanah. Sewaan jenis ini dilakukan secara mengikut tempoh musim menanam. Dari kajian yang dilakukan di kedua-dua tempat ini tidak ada penyewa yang membayar dalam bentuk wang tunai; sebaliknya ia dibayar berdasarkan kesanggupan petani penyewa memberikan sebahagian dari hasil padi yang dituai. Bahkan ada juga kes yang ditemui di mana seorang petani yang telah diberi secara

percuma menanam sebidang tanah seluas 0.5 ekar, tuan punya tanah itu ialah seorang taukeh Cina yang tinggal di pekan kecil Endau yang juga merupakan sahabat baik petani itu sejak dari kecil lagi.

Walau bagaimana pun jika dilihat secara keseluruhan, apabila seorang petani ingin menyewa tanah seorang tuan tanah beberapa syarat haruslah dipenuhi terlebih dahulu. Syarat-syaratnya adalah seperti berikut:-

- i. Satu persetujuan terhadap jangka masa hendak menyewa tanah itu akan ditetapkan secara mulut sahaja.
- ii. Jika sudah ada persetujuan di kalangan penyewa dengan tuan tanah barulah ditetapkan kadar bayaran. Pada lazimnya di kampung Semaloi dan Bukit Pasir kadar bayaran adalah dibuat dalam bentuk padi. Iaitu 1.5 guni padi pada tiap-tiap ekar yang disewa. Sungguh pun begitu ia bergantung kepada hasil padi, jika padi tidak menjadi atau kurang menjadi bayaran dikurangkan lagi.

Segala persetujuan dibuat hanya secara lisan saja, tidak dibuat secara bertulis atau melibatkan sebarang bentuk surat sewaan. Hal ini telah menjadi satu kebiasaan bagi penduduk di sini. Perasaan saling percaya mempercayai masih kukuh bertapak dalam kehidupan

sosial mereka. Ketika semakan dibuat di Pejabat Tanah dan Pejabat Daerah Mersing tidak ada satu kes pun yang melibatkan sewaan tanah secara secara kontrek.

Kemungkinan adanya pengaruh sosio-budaya masyarakat tanah yang menyebabkan sistem sewaan tidak dibuat secara kontrek adalah seperti berikut:-

- (a) Mereka tinggal sekampung; bahkan ada yang mempunyai kaitan persaudaraan. Sikap segan menyegani di kalangan mereka boleh mengelakkan dari kejadian tipu menipu di kalangan penyewa
- (b) Biasanya luas tanah yang disewakan adalah sempit. Jadi pada anggapan mereka sebarang ikatan kontrek akan hanya menyusahkan saja mereka turun naik ke Pejabat Tanah atau Pejabat Daerah Mersing. Tambahan pula bagi petani yang jarang ke Pejabat Tanah berjumpa pegawai-pegawai di sana masih dianggap sebagai satu penyeksaan.

Dari 100 orang responden yang dikaji terdapat seramai 22 orang petani yang menyewa tanah sawah kerajaan. Cuma 4 orang sahaja yang menyewa tanah dari tuan tanah.

Berdasarkan data dalam jadual 15 kita dapatilah bahawa kebanyakkan petani lebih cenderung menyewa tanah yang luasnya kurang dari 4 ekar. Terdapat seramai 18 orang petani yang mengerjakan tanah

Jadual 15

Bilangan 26 Orang Yang Mengerjakan Tanah Secara Sewaan

Luas Tanah	Bil. Penyewa	Jumlah Yang Disewa
0.1-1	2	5.75
1.1-2	4	7
2.1-4	12	41.75
4.1-7	2	12.45
7.1-10 ke atas	2	24.05
Jumlah		91.00

TOL ini yang berjumlah 54.5 ekar. Sedangkan yang sanggup mengerjakan tanah yang lebih dari 4 ekar ke atas cuma 4 orang sahaja. Luas tanah yang dikerjakan ialah 36.5 ekar. Bagi tanah yang luasnya antara 2.1-4 ekar terdapat seramai 12 orang yang berjumlah 41.75 ekar. Bagi petani yang mengerjakan tanah TOL ini mereka adalah terikat dengan undang-undang tanah kerajaan negeri (pihak berkuasa negeri). Setiap petani hanya dibenarkan mengerjakan tanah seluas 1 lot seorang (kira-kira 3 ekar). Tujuan PBN ialah untuk mengelaskan petani-petani dari memiliki terlalu banyak tanah tetapi tidak dikerjakan; ataupun untuk membolehkan lebih ramai petani yang tidak bertanah supaya sama-sama dapat mengerjakan sawah padi mereka sendiri. Dari kajian yang dijalankan kehanyakannya petani lebih suka menyewa tanah kerajaan daripada menyewa dari tuan tanah sendiri, kerana menurut mereka sungguhpun mereka menduduki tanah lesen kerajaan mereka lebih merasa terjamin dan

selamat dari penindasan atau rasa tidak puas hati. Ini ditambah pula dengan kedudukan petani di kampung Semaloi dan Bukit Pasir tidak memeliki tanah-tanah yang luas untuk disewakan.

Dari kajian yang telah dilakukan di kalangan petani yang menduduki tanah lesen kerajaan ini kita dapat mengesan punca-punca yang di antara lain adalah seperti berikut:-

- (a) Petani sememangnya tidak memiliki tanah langsung.

Dari 22 orang petani yang ditemuduga, kesemuanya adalah berasal dari Kedah. Mereka telah menetap di sini ada yang hampir 7 tahun dengan cara menduduki tanah lesen ini. Tidak ada alternatif lain, kata mereka; untuk membeli sebidang tanah terlalu mahal dan tidak mampu mereka lakukan.

- (b) Pihak berkuasa negeri tidak menghalang mereka dari menduduki tanah ini asalkan petani sentiasa memperbaharui lesen tanah yang mereka duduki.

Berdasarkan Kanun Tanah Negera Seksyen 67 (1), yang bermaksud petani atau penyewa tanah lesen tumpangan sementara dikehendaki memperbaharui lesen tanah mereka pada tiap-tiap satu tahun kalender.

(ii) Implikasi Sewaan Tanah Tuan Tanah

- (a) Sungguh pun kebanyakan pengkaji-pengkaji berpendapat

sistem sewaan selalu mengakibatkan spekulasi untung rugi dengan menyewa tanah tuan tanah, tetapi dalam kes kampung Semaloi dan Bukit Pasir dengan wujudnya hubungan persaudaraan petani dapat menduduki tanah sewa secara percuma atau dikenakan kadar bayaran yang rendah.

- (b) Kebanyakan petani lebih merasa terjamin menyewa tanah lesen kerajaan. Jika dilihat secara perbandingan petani-petani yang mengerjakan tanah TOL adalah lebih produktif dari petani yang memiliki tanah sendiri. Sebagai bukti kesungguhan, terdapat petani penyewa tanah TOL ini yang sanggup mengerjakan tanah sawah seluas lebih dari 7 ekar dalam satu musim.
- (c) Harga sewaan tanah di sini adalah rendah; ini ada hubungannya dengan lokasi kampung Samaloi yang terletak di kawasan yang belum ramai didiami orang, maka permintaan kepada tanah masih lagi rendah, tambahan pula mereka mempunyai alternatif lain iaitu menyewa tanah TOL.

1.6 Sistem Pawah Atau Bagi Dua

Sistem pawah ialah satu sistem di mana seorang petani itu mengerjakan sawah orang lain dan hasilnya dibahagi dua. Selain digunakan di dalam sistem tanah sawah ia juga digunakan dalam

penegerjaan penorehan getah di sini. Sistem pawahan ini terjadi kerana beberapa sebab, di antaranya:-

i. Adanya tuan tanah yang tidak mahu atau tidak mampu mengerjakan tanah kerana disebabkan kezuruan atau lain-lain sebab

ii. Sipengerja tidak mempunyai tanah yang cukup atau tidak ada tanah langsung untuk dikerjakan,

iii. Sebelum penegerjaan dijalankan telahpun ada persetujuan di dalam beberapa syarat di antara tuan tanah dengan sipengerja.

(a) Hasil padi itu dibahagi dua. Contohnya jika hasil padi 3 guni, tuan tanah akan menerima 1.5 guni. Pembahagian ini dilakukan setelah selesai dituai padinya.

(b) Terdapat juga pembahagian dilakukan berdasarkan padi bersih dibahagi dua. Padi yang telah bersih dari tangkai dan telah dianginkan antara padi hampa dengan padi yang berisi.

(c) Sekiranya hasil padi itu telah cukup nisab zakatnya, maka pembayaran zakat adalah tertanggung di atas sepengerja. Mengikut sukatas biasa bagi tiap 400 gantang zakat dikenakan

padanya ialah 1/10 dari hasil padi itu.

Jadual 16

Bilangan Yang Terlibat Dalam Sistem
Pawahan Mengikut Luas

Luas Tanah Yang dipawah Dalam Ekar	Bil. Pemawah	Jumlah Tanah Yang Ada
1.75	2	3
1.00	1	2.5
2.00	3	3
1.5	2	2.75
Jumlah	8	11.25

Dari jadual di atas didapati seramai 8 orang sahaja yang terlibat di dalam sistem pawahan ini. Kesemuanya mengerjakan tanah yang luasnya kurang dari 2 ekar. Bagitu juga di kalangan tuan tanah tidak ada yang menawahkan keseluruhan tanah mereka. Jadi tanah yang dipawahkan itu sangat sempit. Di kalangan yang memawah ini bertujuan untuk menambahkan pendapatan dari hasil padi mereka.

1.7 Sebab-Sebab Terjadinya Sistem Pawahan

1. Sistem pawahan tidak memerlukan modal yang banyak petani hanya perlu mengerahkan tenaga tulang empat kerat mereka

- ii. Ada pengera yang bertujuan untuk menambahkan pendapatan kerana keadaan hidup yang susah. Mereka terpaksa berusaha dengan cara begini; tambahan pula jika tanah yang ada terlalu sempit dan tidak mencukupi.
- iii. Pemawah tidak akan mengalami apa-apa kerugian sekiranya tanaman tidak menjadi kecuali dari segi tenaga yang telah dicurahkan

1.8 Hubungan Tuan Tanah Dengan Pemawah

- i. Hubungan secara langsung wujud antara pemawah dengan tuan tanah, semasa membuat persetujuan di antara mereka
- ii. Semasa hasil tuaian dibahagikan interaksi berlaku di rumah tuan tanah. Pada masa ini akan timbul perkara-perkara yang melibatkan pawahan mereka seperti bentuk pembahagian yang dikehendaki tuan seumpamanya. Pada masa ini jugalah tuan tanah dapat membaca samada pemawah itu jujur atau sebaliknya. Pemawah juga dapat mengetahui samada tuan tanah itu seorang yang baik atau bakhil kedekut.
- iii. Hubungan di antara kedua belah pihak akan menjadi bertambah ikrab, sekiranya telah timbul sikap saling percaya mempercayai di antara mereka. Unsur-unsur

"solidarity" akan menjadi lebih kuat lagi.

Biasanya sikap ini akan dituruti dengan semangat saling bantu membantu secara orang Islam, seperti memberi bantuan semasa sakit bertukang rumah atau membuat kerja-kerja kampung yang melibatkan tenaga.

Bagi petani kampung mereka tidak mengukur tenaga yang dicurahkan itu berdasarkan keuntungan ekonomi semata-mata yang oleh setengah ahli ekonomi di anggap sebagai tidak ekonomikal dan merugikan. Tetapi satu pertimbangan yang lebih ialah dengan menilainya dari aspek kemasyarakatan dan nilai keharmonian yang tercetus dari kegiatan itu.

1.9 Implikasi Dari Sistem Ini

ii. Oleh kerana tanah yang ada tidak mencukupi, pemawah terpaksa menerima syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh tuan tanah. Dalam kes di kampung Semaloi dan Bukit Pasir hubungan antara pemawah dengan tuan tanah adalah baik, kerana adanya sikap saling bertolak ansur dan percaya mempercayai antara pemawah dengan tuan tanah

ii. Pemawah tidak akan merasa kerugian apa-apa dari sistem ini. Kerana mereka merasa dari mereka tidak terikat dengan tuan tanah. Mereka bekerja kerana tekanan kemiskinan dan bukan dipaksa untuk menambah

BAB IV

IMPLIKASI EKONOMI

Dalam bab yang lalu telah pun disentuh secara mendalam tentang pola pemilikan tanah di kawasan kajian ini. Kita telah melihat juga bagaimana terdapatnya pergantungan yang amat jelas di kalangan petani terhadap tanah. Telah juga disentuh sikap petani terhadap perubahan-perubahan teknologi yang terpaksa mereka terima dalam usaha mereka untuk meninggikan daya pengeluaran dan pendapatan mereka yang miskin itu.

Di dalam bab ini akan disentuh implikasi ekonomi dan sosial yang berpuncas dari pola-pola pemilikan yang wujud itu.

1.1 (a) Implikasi Ekonomi

Dalam bahagian ini kita akan menyentuh dua aspek yang penting iaitu pendapatan penduduk dan tabungan dan simpanan.

i. Pendapatan Penduduk

Pendapatan diperolehi oleh seseorang apabila ia terlibat di dalam aktiviti pekerjaan yang mendatangkan hasil samada dengan menggunakan tenaga atau daya fikiran. Ketika membincarakan pendapatan penduduk di sini kita akan membahagikannya kepada 3 sektor, iaitu, sektor pertanian, sektor bukan pertanian (yang bekerja dengan kerajaan) dan sektor bukan pertanian (yang bekerja sendiri). Di dalam istilah ekonomi terdapat beberapa jenis pendapatan yang memberi pengertian

yang berbeza, umpamanya, pendapatan benar, iaitu pendapatan yang dikira dari kuasa beli pengguna ke atas sesuatu barang atau perkhidmatan. Jika kita kaitkan dengan kehidupan petani di kampung Semalei maka pendapatan benarnya adalah sangat rendah jika diukur dari kesan inflasi yang sedang dihadapi oleh ekonomi dunia. Sudahlah kuantiti wang tidak bertambah nilai wangnya pula turut jatuh menyebabkan mereka selalu mengeluh akibat kesempitan hidup.

Punca pendapatan dari sektor pertanian boleh dibahagikan kepada dua bahagian:

- (a) Pendapatan yang berpunca dari pengeluaran padi,
- (b) Pendapatan dari lain-lain punca seperti getah, kebun kelapa, sewa kobota serta pekerjaan sambilan.

Jadual 17

Pengagihan Pendapatan Ketua Keluarga
Mengikut Jenis-Jenis Pekerjaan

Pekerjaan	Pendapatan						
	\$0-30	31-60	61-100	101-160	161-240	241-340	341-460
Dalam pertanian	3	10	34	20	3	2	0
Luar pertanian (dgn. kerajaan)	0	0	0	0	7	10	4
Luar pertanian (kerja sendiri)	0	0	0	4	2	2	1

Dari jadual 17 didapati dalam sektor pertanian seramai 13 orang petani berpendapatan bawah dari \$60 sebulan 54 orang berpendapatan bawah dari \$160; cuma 3 orang sahaja yang berpendapatan lebih dari \$160. Pendapatan ini diperolehi dari beberapa sumber;

(a) Pengeluaran Padi

Dari kajian yang dijalankan 49 orang petani adalah terlibat secara langsung dalam penanaman padi sebagai punca pendapatan mereka. Sementara 21 orang petani lagi tidak sahaja bergantung kepada tanaman padi tetapi mengerjakan kerja-kerja sambilan seperti bertukang menjadi buruh kontrek. Bagi petani yang bergantung sepenuhnya kepada hasil padi tidaklah menjual semua hasil tuaian mereka, sebaliknya beras disimpan untuk digunakan apabila mereka keputusan beras sementara menunggu hasil padi bagi musim yang berikutnya. Ringkas kata jika padi menjadi banyaklah yang dijual atau sebaliknya.

Pendapatan dari hasil padi bergantung kepada tiga perkara penting seperti:

- (a) Jumlah hasil padi
- (b) Kos Pengeluaran
- (c) Harga padi di pasaran

Pendapatan dari hasil padi adalah pendapatan bersih setelah ditolak semua kos seperti yang telah disentuh dalam bab II yang lalu, padi petani di kampung Semaloi dan Bukit Pasir dibeli oleh pihak LPN. Sebelum akhir 1973 harga padi yang diberi oleh LPN ialah seperti berikut:

Jadual 18

Gred padi	Harga LPN Sepikul (1973)
A	\$16.00
B	\$15.00
C	\$14.00

Akibat dari tekanan inflasi pihak LPN telah menerima desakan di kalangan petani dengan menaikkan harga padi seperti berikut pula:

Gred padi	Harga LPN sepikul
A	\$29.25
B	\$27.75
C	\$26.85

Ramai di antara petani-petani mahukan supaya harga padi mereka dinaiidkan lagi dan merasa cara LPN mengredikan padi-padi mereka mestilah diparbaiki lagi. Mereka juga mendakwa ada di antara pegawai LPN yang tidak cekap dalam menjenis di antara padi basah dan padi kering yang pula mempunyai gred-gred yang tertentu.

Dari 1100 orang, man 7 orang (6%) menyatakan bahawa mereka bukan seorang petani peniti-penjaja serta pelajar pada pengeluaran tanah mereka. Terang 1200 menyatakan memiliki tanah 5000, 3 orang bukan dan 1000 dan 7 orang (6%) menyatakan mereka bukan 5000.

Jadual 19

Pengagihan Pendapatan Mengikut Kategori
Petani (dari hasil padi) di kalangan 70 Petani

Pendapatan Sebulan (\$)	petani pemilik	pemilik penggerja	pemilik penggerja & penggerja	Jumlah
0- 30	3	-	-	3
31- 60	3	7	-	10
61-100	4	23	-	27
101-160	8	5	1	27
161-240	-	2	1	3
241-340 ke atas	-	-	7	7
Jumlah				70

Data dari soal-selidik

Dari jadual di atas, seramai 47 orang (67%) petani menerima pendapatan bawah dari \$100 sebulan (dari padi) dan 23 orang (32%) menerima pendapatan \$160 ke atas. Jika dilihat dari segi kategori petani-petani: petani pemilik ialah 10 orang berpendapatan bawah dari 100 ringgit (14%) dan 8 orang (11%) berpendapatan lebih dari 160 ringgit, petani pemilik penggerja, 30 orang (42.8%) memiliki pendapatan kurang dari \$100 ringgit, cuma 7 orang (10%) berpendapatan lebih dari \$100. Dalam kategori petani pemilik-pengerja serta penggerja pula pendapatan adalah lebih tinggi; 7 orang (10%) berpendapatan bawah dari \$160, 1 orang bawah dan \$240 dan 7 orang (10%) berpendapatan bawah dari \$340.

Jadual 20

Pendapatan Bersih Sebulan Bagi
Seorang Petani (dari semua punca)

Pendapatan sebulan (\$)	petani pemilik	petani pemilik penggerja	petani pemilik penggerja-pengerja	Jumlah
0- 30	1	-	-	1
31- 60	3	4	-	7
61-100	1	21	-	22
101-160	3	4	8	15
161-240	10	3	3	16
241-340	-	5	2	7
461-600	-	-	2	2
Jumlah				70

Data-data soal selidik

Kita dapati apabila semua pendapatan petani disatukan terdapat perubahan yang ketara bagi keseluruhan padi, khususnya di kalangan petani pemilik-pengerja serta penggerja. Sungguhpun begitu perubahan pendapatan yang maksima tidak banyak berubah. Pertambahan pendapatan agak ketara di kalangan petani-petani yang lain. Jika kita menggunakan pendapatan \$160¹ sebulan sebagai garis kemiskinan kita dapati 64 adalah termasuk dalam kategori petani miskin. Tetapi jika dilihat secara lebih spesifik peratus ini berbeza di kalangan petani. Di kalangan petani pemilik

8 orang (11.4%) berada di bawah paras kemiskinan. Petani pemilik-pengerja 29 orang (78%) dan bagi petani pemilik-pengerja serta penggerja bilangannya 8 orang (53%) dengan mengambil ukuran keseluruhan kesemua kategori petani di kampung Sempaloi dan Bulit Pasir belaka.

Jadual 21

Pengagihan Pendapatan Luar Pertanian

Pendapatan Bulanan (\$)	Jenis Pekerjaan			
	tukang kayu	pekedai runcit	nelayan	buruh kilang dll.
0- 30	-	-	-	-
31- 60	-	-	-	-
61-100	-	-	-	-
101-160	2	1	1	-
161-240	-	2	-	-
241-340	-	1	-	1
461-600	-	-	-	-
ke atas	-	-	-	1

1.2 Sektor Luar Pertanian (kerja sendiri)

Responden yang ditemui dalam kategori ini ialah seramai 9 orang sahaja. Di antara kerja-kerja luar pertanian yang dilakukan oleh responden ialah sebagai tukang kayu, buruh kilang, pekedai runcit dan nelayan. Dari data di atas didapati hanya seorang sahaja yang

berpendapatan lebih dari \$400. Beliau ialah peniaga balak secara usaha sama dengan seorang taukeh Cina dari Pahang. Responden yang berpendapatan kurang dari \$340 hanya 2 orang iaitu, dan yang berpendapatan kurang dari \$160 ialah 4 orang - 2 orang tukang kayu, seorang pekedai runcit dan seorang nelayan, yang bekerja di laut dan bukan darat. Terdapat hanya seorang pekedai runcit yang berpendapatan lebih dari \$240. Kedainya terletak di kampung Bukit Pasir yang berasal dari Kedah. Pekedai ini menyewa tanah tapak kedainya seluas 1 rantai persegi sebanyak \$5 sebulan. Kedainya lebih maju jika dibandingkan dengan mana-mana kedai yang terdapat di Bukit Pasir. Ia menjual berbagai barang keperluan dapur, dari barang makanan seperti tepung gandum, gula pasir hingga keperluan makanan dalam tin dan botol.

1.3 Pengagihan Pendapatan di Luar Pertanian (kerja dengan kerajaan)

Berbanding dengan sektor luar pertanian yang telah dibincangkan tadi responden dalam kategori ini memiliki pendapatan bulanan yang tetap. Seorang darinya berpendapatan \$240 ke bawah, bekerja sebagai buruh Jabatan Parit dan Talair, 10 berpendapatan bawah dari \$340 dan terdapat 4 orang yang memiliki pendapatan lebih dari \$461 ke atas. Mereka terdiri dari guru-guru sekolah rendah yang berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia. Salah seorangnya kerana telah lama bekerja berpendapatan \$1,110; beliau mengajar di Sekolah Rendah Kebangsaan Air Tawar hampir 12 tahun. Sementara yang lain-lainnya berkerja sebagai buruh Jabatan Hutan 1 orang, jaga sekolah 5 orang, buruh di Jabatan Majlis Bandaran Endau 3 orang dan pekerja Jabatan Kerja Raya 1 orang dan yang akhir sekali 4 orang bekerja sebagai buruh di Persatuan Peladang Daerah Endau.

Sekiranya kita menggunakan pendapatan sebagai ukuran untuk melihat stratifikasi sosial di kalangan masyarakat kampung Semaloi dan Bukit Pasir kita dapati wujud tiga kategori masyarakat iaitu:

- (a) Penduduk yang berada - berpendapatan \$400 ringgit ke atas,
- (b) Penduduk yang berpendapatan sederhana - berpendapatan \$200 sebulan,
- (c) Petani miskin berpendapatan bawah dari \$200 sebulan.

Bilangan penduduk yang berada di kampung Semaloi dan Bukit Pasir hanyalah 4 orang kesemuanya yang bekerja makan gaji dengan kerajaan (di luar pertanian) dan mereka ini juga memiliki tanah sawah sendiri. Penduduk yang berpendapatan sederhana ialah 14 orang (14%) dan petani dari 100 penduduk yang dikaji.

1.4 Tabungan Dan Simpanan Modal

Simpanan yang dimaksudkan di sini ialah simpanan yang dibuat dalam bentuk wang atau harta modal yang didapati sebagai hasil dari lebihan pendapatan. Simpanan ini dilakukan di Pejabat Pos atau dalam bentuk-bentuk lain seperti saham, emas, wang tunai dan lain-lain. Simpanan dalam bentuk harta modal pula seperti tanah, rumah, binatang ternakan, kenderaan, samada dalam bentuk jentera bajak atau motosikal, kereta atau basikal. Untuk memudahkan analisa kita adalah lebih baik jika jenis-jenis simpanan itu dilihat dari segi keseluruhan, berdasarkan jadual di sebelah ini.

Jadual 22

Jenis Simpanan Dan Modal
Bagi 100 Ahli Keluarga

Jenis Simpanan	Bil. Responden	Jumlah
Rumah	96	100
<u>Ternakan</u>		
Lembu	-	-
Kerbau	7	12
Kambing	-	-
Ayam/Itek	59	140
<u>Kenderaan</u>		
Kereta	1	1
Motosikal	8	8
Basikal	65	81
<u>Simpanan</u>		
Emas	3	9
Saham	-	-
Wang Tunai	2	1500
<u>Alat-alat Pertanian</u>		
Kobota	3	3
Perahu	2	2
Mesin getah dan lain-lain	1	1
Jumlah		

Di dalam jadual di atas kita membahagikan harta-harta simpanan responden kepada 5 kategori berdasarkan jenis harta yang dimiliki. Bagi

responden yang ditemui menyatakan ada memiliki tanah walaupun saiznya sempit. Ini telahpun kita huraikan di dalam bab II kajian ini.

Sementara 26 orang lagi adalah terdiri dari petani yang menduduki tanah sewa dan tanah lesen kerajaan (TOL).

Tidak ada seorang pun responden yang ada memiliki harta dalam bentuk rumah sewa kerana dari segi kos untuk membina sebuah rumah adalah mahal. Tambahan pula kedudukan kampung yang terpencil begini memang sukar mencari penduduk luar yang ingin menyewa. Tetapi kebanyakannya penduduk (96%) ada memiliki rumah mereka sendiri. Cuma 4 responden sahaja yang tidak mempunyai rumah sendiri, sebaliknya menyewa rumah orang lain. Mereka adalah terdiri dari petani Kedah yang telah menetap di sini; harga sewannya hanyalah \$10 sebulan.

Di antara jenis-jenis binatang ternakan yang ada di ternak ialah kerbau dan ayam itek sahaja. Kerbau yang dimiliki oleh 7 orang responden ini merupakan kerbau pawah kerajaan. Di dalam perlaksanaan sistem pawah, sekiranya kerbau betina yang dipelihara oleh petani telah beranakan kerbau betina, ibu kerbau itu akan menjadi hak kepada si petani, sementara anak kerbau yang betina itu pula akan dipulangkan kepada pihak Jabatan Haiwan di sini. Sekiranya kerbau yang lahir itu kerbau jantan apabila telah cukup dewasa akan dijual dan hasil keuntungan itu akan dibahagi dua. Jabatan Haiwan bertanggungjawab dalam menguruskan hal ini. Untuk menggalakkan petani menternak kerbau sebuah padang ragut yang kecil, iaitu seluas 20 ekar, telah dibuka; letaknya di pinggir kampung Bukit Pasir. Kerbau-kerbau dilepaskan di sini mengikut satu jadual yang telah ditetapkan oleh Jabatan Haiwan. Untuk memudahkan orang

kampung mendapat nasihat seorang pembantu Pegawai Haiwan telah dilantik di sini. Pegawai ini pula tinggal menetap berhampiran komplek penghulu di sini. Kerbau-kerbau yang dipelihara oleh petani ini berjumlah 12 ekor kesemuanya. Tujuan ada kerbau yang digunakan untuk membajak sawah, kerana petani lebih cenderung menggunakan keteba.

Ternakan ayam itek adalah menjadi kegemaran petani. Lebih dari 70 peratus petani menternak ayam. Tetapi bilangan yang ditemak bagi satu-satu keluarga responden adalah kecil-kecil belaka seperti 4 atau 5 ekor sahaja. Kesemua ayam yang ditemak ini hanya untuk dimakan sendiri terutama di musim-musim hari raya puasa atau ketika majlis kenduri.

Jenis kenderaan yang paling popular dan paling ramai petani memilikinya ialah basikal. Basikal sangat digemari oleh petani yang berpendapatan rendah atau sederhana ataupun orang berada. Harganya murah dan ia mudah serta sesuai digunakan untuk kenderaan dan pengangkutan. Kira-kira 65 peratus penduduk di sini memiliki basikal. Selain dari basikal ialah motosikal. Tetapi tidak ramai responden yang berkenaan memiliki motosikal. Cuma 5 orang responden sahaja di kampung Semaloi yang memiliki motosikal dan 3 orang dari kampung Bukit Pasir. Responden lebih gemar atau mampu menggunakan motosikal yang rendah kwasanya seperti Honda Cup atau Yamaha Cup. Hanya seorang sahaja responden yang berkenaan memiliki kereta. Beliau menjalankan perniagaan kayu balak secara berkongsi dengan seorang taukeh Cina dari Pahang.

Simpanan dalam bentuk barang keras hanya dilakukan oleh 3 orang

responden. Bagi petani ini emas sangat berguna kepada mereka bukan untuk dibuat hiasan badan tetapi sebagai persediaan menghadapi waktu-waktu kecemasan, kerana seperti kata mereka "emas itulah tempat mereka mengadu". Apabila mereka ditimpa kemalangan atau sakit pening atau padi tak menjadi, atau untuk membiayai keperluan sekolah anak-anak emas itu akan digadaikan ke kedai pajak di pekan kecil Endau.

Hanya 2 orang responden sahaja yang menyimpan dalam bentuk wang tunai. Simpanan itu dibuat di Lembaga Urusan Tabung Haji. Tujuan menyimpan ialah untuk membolehkan mereka naik haji ke Mekah. Simpanan dalam bentuk saham tidak ada. Sayugia dinyatakan ketika projek kajian ini dijalankan publisiti mengenai Amanah Saham Nasional baru saja dimulakan oleh media massa terutama radio dan televisyen. Oleh kerana itu reaksi orang kampung masih belum kelihatan.

1.5 Simpanan Dalam Bentuk Alat Pertanian

Di kampung Semalei dan Bukit Pasir hanya terdapat 3 orang sahaja petani yang memiliki jentera Kobota. Petani-petani ini membeli dengan jalan subsidi dari pihak Persatuan Peladang. Ketiga-tiga jentera ini adalah jentera yang telah terpakai, kerana itu harganya lebih murah dari harga asal. Harga sebuah jentera Kobota yang terbaru ialah \$15,000 tetapi jentera yang telah terpakai lebih kurang \$7000 sahaja. Di samping membajak tanah mereka sendiri petani-petani ini juga mengambil kesempatan mengambil upah membajak tanah petani-petani lain. Harga upah membajak bagi satu ekar ialah \$65.00. Apabila musim menanam bermula penggunaan jentera dari Persatuan Peladang tidak mencukupi, oleh itu

sambutan dari petani-petani terhadap mereka adalah menggalakkan.

Lain-lain harta simpanan ialah 2 biji perahu dan sebuah mesin getah. Perahu ini dimiliki oleh 2 orang petani yang melakukan kerja menangkap ikan di sungai Endau secara sambilan. Mesin getah yang dimiliki oleh seorang petani ini telah lama tidak digunakan lagi kerana getah yang ada tidak lagi dikerjakan, akibat dari ketiadaan buruh yang ingin mengerjakannya; tambahan pula hasil dari pokok-pokok getah itu sangat kekurangan.

Satu masalah besar yang dihadapi ketika mendapatkan data yang tepat dari responden ialah keengaman responden untuk memberikan butir yang lengkap berapakah jumlah simpanan wang yang ada mereka di Pejabat Pos. Jawapan yang biasa diberi adalah "tak ada semuanya habis dimakan" atau "adalah sedikit saja", jawapan begini kemungkinannya ada dua pengertian, pertama, memang mereka tidak pernah menyimpan, atau, jumlah yang ada sedikit sahaja dan mereka berasa segan untuk menyebutkan jumlahnya.

Faktor-faktor yang menyebabkan kekurangan simpanan ialah:

- i. Sebahagian besar (70%) dari petani di sini tidak mempunyai lebihan pendapatan untuk membolehkan mereka menabung atau membuat lain-lain bentuk simpanan harta modal yang banyak,
- ii. Ada petani yang menyimpan dalam bentuk barang kemas. Tetapi bilangan yang rasmi tidak dapat diperolehi. Petani

seolah-olah merasa sangsi untuk memberi keterangan yang jelas, walaupun bagaimanapun jumlah yang menyimpan dalam bentuk harta ini adalah tidak ramai.

Kesimpulan

Dari analisa data-data yang dikemukakan, pendapatan orang-orang yang dikaji dalam kampung ini adalah lebih 70 peratus berada di bawah paras kemiskinan. Walaupun bagaimanapun supaya rumusan ini lebih jelas kita akan merumuskan berdasarkan sektor-sektor yang telah ditetapkan tadi.

1.6 Sektor Dalam Pertanian

Pendapatan dari pertanian diperolehi dari pengrajan dan pemilikan tanah. Di sini sudah jelas bahawa ketinggian daya pengeluaran tani bukan sahaja bergantung kepada keluasan saiz tanah, tetapi juga dipengaruhi oleh faktor kesuburan tanah, jenis tanah, biji benih yang digunakan, harga pasaran dan kos pengeluaran yang terlibat dan lain-lain lagi. Jika dihitung panjang mereka dalam sektor ini berpendapatan kurang dari \$100 sebulan. Ada beberapa sebab mengapa mereka berpendapatan kecil.

- (a) Saiz tanah yang dikerjakan adalah sempit. Kita telah menyentuh bahagian ini di dalam bab II. Walaupun tanah dikerjakan secara intensif, daya pengeluarannya tetap rendah. Kadar kesidikan tanah di sini masih tinggi, petani menyebutnya sebagai tanah nasan

bahagian ini juga telah disentuh dalam bab III. Padi yang dijual adalah sedikit sebaliknya petani menggunakan sendiri.

(b) Hasil yang dikeluarkan oleh petani tidak mendapat pasaran yang baik. Ini adalah hubungannya dengan lokasi Endau itu sendiri yang masih belum membangun dan penduduknya pula tidak ramai. Mengikut tok penghulu Kampung Semaloi Persatuan Belia Kampung Semaloi pernah menjalankan sebuah projek ternakan ayam. Setelah ayam bertelur timbul masalah siapa yang sanggup membeli dengan harga yang berpatutan. Kemudian timbul pula masalah mendapatkan bekalan makanan ayam. Sedangkan kos untuk membeli dari luar adalah mahal kerana jarak pekan kecil Endau yang jauh dari lain-lain bandar baik dari bandar Mersing atau Rompin Pahang. Bagi yang mengusahakan kelapa pula tentulah tidak menguntungkan jika ditanam 4 atau 5 batang di halaman rumah (yang biasa terdapat di sini) kecuali jika ditanam secara yang lebih luas. Hanya seorang sahaja yang mengerjakan tanaman kelapa seluas 8 ekar tetapi kelapa ini tidak dijual di Endau sebaliknya dibawa keluar oleh anaknya sendiri.

BAB V

IMPLIKASI SOSIAL

A.1. Peluang Dari Kewadahan Pendidikan

Di pekan kecil Endau ini terdapat 3 jenis sekolah yang berlainan aliran pendidikan. Sekolah aliran kebangsaan yang terdiri dari sebuah Sekolah Rendah Kebangsaan Air Tawar dan sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan iaitu Sekolah Menengah Tengku Husin yang menampung semua penuntut dari daerah Endau di peringkat Sekolah Menengah hingga ke tingkatan lima. Terdapat juga di sini sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina untuk pemurtut bangsa Cina di Endau. Pada sebelah petang di Sekolah Rendah Kebangsaan ini diadakan pula sekolah agama, untuk memberi asas pendidikan agama Islam kepada pemurtut-pemurtut yang beragama Islam. Mengikut sistem pendidikan agama Jabatan Pelajaran Agama negeri Johor, kelas ini dijadikan dari darjah satu hingga ke darjah 6 kemudian jika pemurtut itu ingin melanjutkan pelajaran agamanya lagi ia boleh menyambungnya hingga ke darjah khas sanawi. Inilah darjah yang tertinggi yang masih dikekalkan oleh sistem pelajaran agama Johor.

Di kampung Semalei pula ada juga terdapat sebuah kelas agama yang menampung pemurtut lelaki dan perempuan seramai 22 orang. Memurut penghulu mukim, sekolah itu baru saja dibuka dalam tahun 1975 hasil dari desakan orang kampung ke atas kerajaan negeri. Kesedaran ibubapa ke atas pelajaran anak-anak mereka telah banyak berubah. Jika baru-baru merdeka dahulu sering kali kedengaran kritikan-kritikan dan perbincangan massa mengenai sikap negatif kebanyakannya ibubapa terhadap pelajaran

anak-anak mereka. Kesedaran mereka terhadap pelajaran anak-anak semakin tinggi. Ini barangkali kerana mereka semakin insaf jika tanpa pelajaran yang sempurna kedudukannya sebagai petani miskin sejak turun temurun tidak akan berubah. Tetapi kesedaran saja tanpa kemampuan adalah suatu yang perlu juga kita perhitungkan. Di sinilah faktor sosio ekonomi memainkan peranannya dalam menentukan peluang pelajaran anak-anak ke peringkat yang lebih tinggi lagi. Faktor sosio ekonomi selalunya dikaitkan dengan secal-secal berikut:

- (a) Kedudukan ekonomi ibubapa
- (b) Latar belakang pendidikan ibubapa.

1.2 (a) Kedudukan ekonomi Ibu bapa

Kedudukan ekonomi ibubapa merupakan salah satu faktor yang terpenting dalam menentukan sambutan mereka terhadap pelajaran anak-anak mereka. Ibubapa di samping menjadi pendorong kuat kepada kejayaan pelajaran anak-anak, juga secara langsung bertanggungjawab membiayai perbelanjaan persekolahan anak-anak itu. Tetapi yang sering menjadi masalah ialah bagi ibubapa yang tidak berada atau kedudukan ekonominya tidak teguh; peluang mereka untuk berbuat begitu adalah terhad. Data di bawah menjelaskan tentang perbezaan kedudukan ekonomi ibubapa

Jadual 23

Status Ibubapa Murid Sekolah
Kebangsaan Air Tawar

Status	Jumlah Ibubapa
Ibubapa kaya	25
Ibubapa sederhana	85
Ibubapa miskin	245
	355

Data dari Sekolah Kebangsaan Air Tawar.

Mengikut sumber dari data sekolah ini status ekonomi ibubapa yang ditentukan berdasarkan pendapatan mereka. Ibubapa yang kaya dari yang berpendapatan \$250/- ke atas. Sementara yang berpendapatan sederhana ialah antara \$160/- - \$249/- ke atas dan bagi yang miskin pula dikira dari pendapatan \$100/- hingga \$160/-. Berdasarkan ukuran ini terdapat seramai 25 orang ibubapa yang tergolong dalam status yang kaya, 85 orang yang berstatus sederhana dan 245 orang yang berstatus miskin. 69% ibubapa adalah dalam kategori miskin. Sumber pendapatan adalah ditentukan oleh jenis pekerjaan yang dilakukan. Jadual berikut menjelaskan lagi status ekonomi ibubapa mengikut jenis pekerjaan yang mereka lakukan.

Jadual 24

Pekerjaan Ibubapa Murid-Murid
Sekolah Kebangsaan Air Tawar

Jenis Pekerjaan	Bilangan Ibubapa
Bertani	265
Nelayan	5
Pemandu Taxi	3
Peniaga	8
Penoreh Getah	14
Buruh	37
Polis	3
Bomba	3
Guru	3
Lain-lain pekerjaan sendiri	14
	355

Data-Data Sekolah Kebangsaan Air Tawar.

Dari jadual di atas didapati ada tiga jenis pekerjaan yang boleh dikategorikan sebagai kelas ekonomi miskin, iaitu, mereka yang tergolong sebagai petani 265 orang (74.7%) nelayan orang (1.4%) dan penoreh getah (3.9%). Kedudukan ekonomi ibubapa memberi kesan yang besar kepada persekolahan anak-anak terutama di peringkat yang lebih

tinggi. Entinya ramai pelajar-pelajar dari keluarga miskin yang tercincir setengahnya semata-mata kerana bayaran yuran atau bayaran peperiksaan terlalu mahal bagi kemampuan ibubapa yang miskin. Jadual berikut menunjukkan bilangan anak-anak yang sedang belajar mengikut aliran pelajaran dari pendapatan keluarga mereka.

Jadual 25

Kaitan Pendapatan Keluarga Dengan
Aliran Persekolahan Anak-Anak

Sektor	Dalam Pertanian			Luar Pertanian		
	Sek. Ren	S.M. Ren.	S.M./U	Sek. Ren	S.M. Ren	S.M./U
Pendapatan (\$)	M.I.A	M.I.A	M.I.A	M.I.A	M.I.A	M.I.A
0- 31	-	-	-	-	-	-
31- 60	20	4	1	-	-	-
61-100	24	12	-	-	-	-
101-160	13	9	7	22	15	9
161-240	27	26	10 2	21	19	2
241-340	12	6	4 1	32	31	19 2
341-460	-	-	-	-	2	-
601-800			3(8)%		1	
	96(27%)	57(16%)	22(6%)	75(21.6%)	68(19.5%)	31(8.9)/ 20.5%

Dari jadual 25 di atas kita dapati di peringkat Sekolah Rendah, kemasukan kanak-kanak ke sekolah tertumpu hanya ke sekolah kebangsaan. Terjadinya demikian berpunca dari dua sebab. Pertamanya, di pekan kecil Endau sejak dari dahulu lagi (sejak zaman sebelum merdeka) tidak terdapat sekolah aliran Inggeris. Sekolah aliran Inggeris hanya terdapat di bandar Mersing yang jauhnya 20 batu dari pekan kecil Endau. Keduanya, melalui perlaksanaan dasar Pelajaran Kebangsaan pihak Kementerian Pelajaran bertindak hanya mengujudkan satu aliran kebangsaan dengan menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar yang tunggal. Dasar yang dijalankan secara berperingkat-peringkat ini telah terlaksana sepenuhnya dalam tahun 1975. Implikasi dari situlah kita dapati kesemua dari 3559 orang kanak-kanak yang bersekolah itu semuanya menuntut di sekolah aliran kebangsaan.

Untuk memudahkan kajian, kita akan menganalisa aliran persekolahan kanak-kanak berdasarkan sektor-sektor, iaitu, sektor dalam pertanian dan sektor di luar pertanian:

1.3 i. Sektor Dalam Pertanian

Dari sektor pertanian didapati kesemua kategori ibubapa dari semua peringkat pendapatan yang dicatit menghantar anak-anak mereka ke sekolah rendah aliran Melayu, jumlahnya 96 orang (27%). Tetapi di peringkat Sekolah Menengah keadaan aliran persekolahan kanak-kanak mula menunjukkan perubahan. Pengaruh pendapatan semakin jelas memberi kesan ke atas kebolehan bersekolah kanak-kanak. Dalam kategori

yang berpendapatan antara \$31/- hingga \$60/- hanya 4 orang sahaja yang berjaya hingga ke peringkat tingkatan 3 dan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia pula hanya seorang sahaja yang berjaya mendapat pangkat ketiga. Jika dikira jumlah kanak-kanak yang tercicir dari peringkat Sekolah Rendah hingga ke peringkat Sijil Pelajaran Malaysia adalah seperti berikut;

Dari 20 orang kanak-kanak yang bersekolah di sekolah rendah 16 orang telah lulus di peringkat Sijil Rendah Pelajaran dan hanya 4 orang sahaja yang berjaya hingga ke tingkatan 5. Keempat-empat mereka ini telah lulus di dalam peperiksaan SPM dengan mendapat pangkat ke 3. Bagi ibubapa yang berpendapatan antara \$61/- hingga \$100/- dari 24 orang kanak-kanak yang dihantar ke sekolah, 12 orang darinya berjaya hingga ke tingkatan 3 dan tidak ada yang mendapat taraf lulus di dalam peperiksaan SPM. Bagi yang berpendapatan antara \$101/- hingga \$160/- dari 13 orang kanak-kanak yang dihantar ke sekolah 9 orang berjaya hingga ke peringkat SPM tetapi dua darinya gagal dan 7 orang berjaya hingga ke peringkat SPM. 2 orang darinya berjaya mendapat pangkat 2 dan 5 yang lain mendapat pangkat ke 3. Bagi yang berpendapatan antara \$161/- hingga \$240/- dari 27 orang yang dihantar ke sekolah rendah, 26 orang berjaya hingga ke peringkat SPM tetapi cuma 10 orang sahaja yang lulus di peringkat SPM.

Secara keseluruhan dari data ini di peringkat sekolah rendah seramai 96 orang kanak-kanak yang bersekolah tetapi beransur-ansur berkurangan menjadi 57 orang di peringkat sekolah menengah dan dari situ cuma 22 orang sahaja yang berjaya hingga ke peringkat SPM.

1.4

ii. Sektor Di Luar Pertanian

Sekarang kita melihat di sektor luar pertanian pula. Untuk memudahkan analisa kita akan menyatukan sahaja antara responden yang bekerja dengan kerajaan dan yang bekerja sendiri.

Di kalangan ibubapa keluarga yang berpendapatan \$241 hingga \$340 seramai 32 orang kanak-kanak yang bersekolah Rendah Kebangsaan. Seramai 31 orang dari kanak-kanak tadi telah menymbung pengajian mereka di Sekolah Menengah Rendah. Hanya seorang kanak-kanak sahaja yang tidak meneruskan pengajiannya kerana sakit. Kesemua anak-anak responden yang dikaji ini, sempat menghabiskan pengajian hingga ke tingkatan tiga. Tetapi yang berjaya menamatkan pengajian hingga ke tingkatan lima ialah 19 orang.

Bagi ibubapa keluarga yang berpendapatan \$161 hingga \$240, seramai 21 orang kanak-kanak dihantar ke Sekolah Rendah Kebangsaan. 19 orang di Sekolah Menengah Rendah dan 2 orang di Sekolah Menengah atas. Sementara bagi ketua keluarga yang berpendapatan \$101 hingga \$160 seramai 22 orang

kanak-kanak bersekolah rendah kebangsaan, 15 orang di Sekolah Menengah Rendah dan 9 orang bersekolah Menengah Atas.

Secara keseluruhan di dalam sektor luar pertanian keupayaan untuk menampung pelajaran anak-anak di peringkat Sekolah Menengah Atas terutama di tingkatan lima adalah lebih baik. Jika dilihat dari segi peratus secara perbandingan antara sektor dalam pertanian dan sektor luar pertanian; di peringkat Sekolah Rendah di sektor dalam pertanian ialah 27.5 peratus di Sekolah Menengah Rendah 16 peratus dan di Sekolah Menengah Atas 6.3 peratus. Berbanding dengan sektor luar pertanian, peratus di peringkat Sekolah Rendah ialah 21.5 peratus Sekolah Menengah Rendah 19.5 peratus dan di Sekolah Menengah Atas 8.9 peratus.

Sayugia dinyatakan di peringkat Sekolah Rendah dan Menengah Pelajaran yang diperolehi adalah secara percuma. Kanak-kanak sekolah juga diberi bantuan buku pinjaman. Bagi yang miskin pula akan diberi bantuan kewangan sebanyak \$20 sebulan. Tetapi bilangan yang menerima bantuan dalam bentuk ini tidak ramai. Dari keterangan guru besar Sekolah Kebangsaan Air Tavar cuma terdapat seramai 15 orang sahaja.

1.5

(b) Asas Pendidikan Ibubapa

Dalam zaman penjajahan dahulu pelajaran bukanlah dianggap suatu yang penting oleh sebahagian besar penduduk kampung umumnya. Implikasi

dari sistem pendidikan penjajah ialah untuk melahirkan, kerani-kerani atau pelayan pejabat yang pandai membaca dan menulis supaya boleh dijadikan pekerja bawahan oleh pentadbiran penjajahan. Kesan corak pendidikan penjajah ini turut juga dirosakkan oleh ibubapa di kampung Semaloi dan Bukit Pasir.

Jadual 26

Asas Pelajaran Ketua Keluarga
Mengikut Jenis Persekolahan

Jenis Sekolah Sektor	Melayu	Inggeris	Arab & Melayu	Maktab	Tak Sekolah
Pertanian	21	0	0	1	45
Kerajaan	21	0	0	3	0
Sendirian	5	1	0		3

Dari data di atas didapati sebahagian besar ibubapa yang bersekolah adalah bersekolah melayu. Hanya 1 orang bersekolah Inggeris tetapi hanya setakat tingkatan 2 sahaja. Jika dilihat dari segi sektor, di sektor pertanian 21 orang bersekolah Melayu seorang lepas Maktab Perguruan Tanjung Malim sementara penjajah dan 45 orang tidak bersekolah langsung.

Di sektor luar pertanian yang bekerja dengan kerajaan pula, 21 orang bersekolah Melayu, 3 orang lepasan Maktab Perguruan berkelulusan SPN. Tidak ada yang tidak bersekolah di sektor ini. Dari sektor persendirian pula 5 orang bersekolah Melayu 1 orang bersekolah Inggeris

dan 3 tidak bersekolah langsung.

Latar belakang pendidikan ibubapa boleh mempengaruhi sikap mereka terhadap pelajaran anak-anak. Tetapi masih banyak lagi kelemahan-kelemahan lain menyebabkan anak-anak mereka menjadi mangsa kecinciran. Berpunca dari masalah ekonomi ia menimbulkan masalah-masalah lain seperti kalori makanan berzat yang rendah, penyakit cacing kerawit, nyamok ketiadaan kemudahan infra struktur seperti kemudahan api letrik untuk membaca di waktu malam hari - saling kait mengait bagaikan satu simpulan "akar pohon yang berselirat". Masalah ini tidak mudah diatasi jika diatasi secara bersinggan. Sikap negatif terhadap pelajaran telah banyak berubah. Mereka semakin seder tentang pentingnya pelajaran anak-anak. Tambahan pula di kampung kecil ini telah terdapat 5 orang yang telah pun menamatkan pengajian di universiti dan telah pun menjawat jawatan yang tinggi di jabatan kerajaan. Kesan dari kejayaan anak orang lain sedikit sebanyak dijadikan contoh kepada mereka untuk menggalakkan anak-anak ke sekolah.

Bagai anak-anak dalam persekolahan memberi peluang kepada mereka untuk memperbaiki hidup masa depan. Tinggi rendah pelajaran yang diperolehi akan menentukan jenis pekerjaan dan tingkat pendapatan yang diterima nasa akan datang. Bagi kanak-kanak yang berasal dari keluarga miskin kejayaan mereka di bidang ini memberi mereka peluang mobiliti ke atas, iaitu naik ke lapisan sosial yang lebih tinggi.

Walaupun kebanyakan dari anak-anak yang sudah bekerja tidak lagi tinggal di kampung tetapi pentingnya pengaruh pelajaran masih

dirasai di dalam mobiliti menegak itu. Dia sudah tentu menjadi buah mulut dan percakapan orang kampung. Mereka di samping dipuji dijadikan juga contoh tauladan bagi kanak-kanak yang masih di bangku sekolah.

Terdapat 5 kes yang menjelaskan hal ini. Kelima-limanya adalah anak dari orang kampung yang telah menamatkan pengajian di universiti. Salah seorangnya ialah anak seorang ketua rumah dari sektor pertanian yang miskin. Tetapi kerana anak sulungnya lebih cekap akalnya dia berjaya di dalam pengajiannya hingga selesai menamatkan pengajiannya di Universiti Malaya. Anak ini telah menjadi salah seorang pegawai diplomatik yang berkhidmat di Kedutaan Malaysia di luar negeri. Kedudukan ekonomi dan sosialnya adalah jauh lebih baik dari bapa dan orang-orang kampungnya.

Sebagai rumusannya perbezaan ekonomi dan sosial telah menimbulkan perbezaan di dalam peluang mendapatkan pelajaran. Walaupun pelajaran tidak lagi menjadi monopoli lapisan atasan tetapi perbezaan dalam milik harta tanah, pendapatan dan pekerjaan ketua keluarga mempunyai pengaruh yang besar dalam menentukan peluang melanjutkan pelajaran.

1.6 Mobiliti Penduduk

Mobiliti penduduk secara umum didefinisikan sebagai mana-mana pergerakan penduduk - samada harian musiman atau lebih bersifat kekal. Istilah mobiliti penduduk adalah lebih luas daripada migrasi, kerana migrasi biasanya bersifat geographical merujuk kepada pergerakan.

Pergerakan yang berlaku buat beberapa ketika. Bergantung kepada lama masa yang diambil. Migrasi boleh berlaku dalam jangka masa yang pendek dan jangka masa yang panjang. Mobiliti pula lebih bersifat sosial ia boleh mendatar atau menegak. Ahli-ahli sosiologi selalu menggunakan motivasi sebagai satu kriteria dalam menggolong pergerakan penduduk, di samping ia juga ditinjau dari sudut jarak dan masa.

Secara kasar seseorang boleh mengkaji motif-motif migrasi dari segi dua faktor, faktor-faktor menolak dan faktor menarik. Faktor menolak berlaku di tempat asal (origin) faktor menarik pula berlaku di destinasi (tempat dituju). Dalam konteks kampung Semalei dan Bukit Pasir faktor-faktor migrasi ini wujud. Migrasi ini lebih bercorak luar bandar ke bandar. Faktor-faktor "menolak" antaranya termasuk kemiskinan di luar bandar, pengangguran, upah yang rendah dan saiz tanah yang sempit dan kekurangan kemudahan-kemudahan pelajaran, kesihatan hiburan dan lain-lain kemudahan sosial. Di sebaliknya pula faktor-faktor menarik antaranya termasuk peluang pekerjaan yang sentiasa ada, kelulusan pelajaran, waktu kerja yang tetap dan upah yang lebih tinggi.

Dari kajian yang dilakukan di sini didapati migrasi penduduk berlaku dalam bentuk migrasi kekal atau sementara disebabkan oleh dua sebab utama:

- (a) Berpindah ke Tanah Rancangan
- (b) Peluang pekerjaan dan pengangguran

(a) Sebab-Sebab Berpindah ke Tanah Rancangan (LKTP)

Ketiadaan tanah atau kekurangan tanah mempengaruhi pendapatan petani. Memandangkan masalah kemiskinan di kalangan mereka, maka tanah-tanah rancangan LKTP telah dilaksanakan. Petani yang memasuki tanah rancangan ini dikesan dari bilangan anak dalam keluarga responden yang telah berkahwin, sama ada anak lelaki atau anak perempuan yang mengikut suami mereka.

Jadual 27

Bilangan Anak Ahli-Ahli Rumah Yang Berpindah ke Luar Kampung Kerana Bekerja

Sebab-Sebab Berpindah	Bil. Yang Terlibat
LKTP	12 (35%)
Buruh kilang/kontrek	4 (8%)
Pegawai Kerajaan	3 (8%)
Buruh Kerajaan	2 (5.8%)
Jururawat	1 (2.9%)
Pemandu	1 (2.9%)
Menganggur	5 (14.7%)
Tentera	5 (14.7%)
Polis	7 (20.5%)
Jumlah	35 (97.8%)

Dari data di sebelah 12 orang anak responden yang telah berkahwin, memasuki 'LKTP'. Kerana adalah menjadi satu syarat wajib setiap peneroka yang memohon memasuki felda mestilah yang telah berkahwin dan masih bersama (tidak bercerai). Mereka memasuki tanah LKTP kerana merasa mahukan jaminan ekonomi dan sosial dalam kehidupan mereka. Dari maklumat yang diterima peneroka-peneroka ini memasuki tanah LKTP di Kahang kira-kira 45 batu dari Endau.

(b) Sebab-Sebab Berlakunya Pengangguran

Ada beberapa faktor yang menyebabkan pengangguran di kampung ini.

i. Pelajaran Tidak Sempurna

Peluang pekerjaan selalu dikaitkan dengan pelajaran. Maltini dikaitkan pula dengan keadaan socio ekonomi kedua orang tua mereka. Dari kajian yang dilakukan di kampung Semaloi dan Bukit Pasir pengangguran berlaku di kalangan anak-anak yang lepas sekolah samada yang telah landas dalam peperiksaan atau sebaliknya. Bagi mereka yang nenganggur secara rasmi ini bilangannya tidak ramai cuma 5 orang sahaja (rujuk data aval). Kesemuanya adalah terdiri anak-anak muda yang baru tamat pengajian di tingkatan lima. Ada di antara pemuda-pemuda ini bekerja buruh secara sambilan di tanah rancangan Felera yang berdekatan. Salah seorang penganggur itu ialah anak ketua kampung Semaloi menurut pemuda ini beliau telah 2 tahun lebih lulus Sijil

Pelajaran Malaysia dengan mendapat pangkat tiga. Beliau bercita-cita untuk berkhidmat sebagai anggota polis tetapi masih belum berjaya.

ii. Peluang Pekerjaan Yang Kurang

Kecenderungan anak-anak muda untuk menjadi petani semakin berkurangan. Seperti yang telah disentuh dalam bab III, kebanyakan petani ialah yang berumur 40 tahun ke atas. Tambahan pula tanah yang hendak dikerjakan tidak luas. Tambah menyulitkan lagi apabila mereka tidak mempunyai kemahiran dan pelajaran yang baik. Jadi masalah ketiadaan peluang pekerjaan berpunca dari kekurangan mereka dari segi pelajaran dan kemahiran.

Kesimpulan Dan Penutup

Masalah kemiskinan dan kegelisahan kaum tani tidak mungkin dapat diselesaikan tanpa mencari akar umbinya dan menganalisa dengan serius punca-punca kemiskinan dan kegelisahan mereka. Kajian yang dijalankan di kampung Semaloi dan Bukit Pasir ini memberikan bukti-bukti yang empirikal bahawa masalah pemilikan tanah, kesuburan tanah dan masalah penasaran merupakan persoalan pokok yang memberi kesan besar kepada kehidupan sosio ekonomi kaum tani.

Salah satu cara untuk menyelesaikan masalah kelaparan tanah di kalangan sebahagian besar petani ialah dengan mengadakan reformasi tanah di mana pihak pemerintah hendaklah menyusun semula struktur

pemilikan dan penguasaan tanah. Dalam bab pola pemilikan tanah yang telah kita sentuh terdahulu, terbukti bahawa terdapat kira-kira lebih dari 60% petani di sini yang memiliki tanah sempit kurang dari 4 ekar. Di samping itu terdapat pula petani yang menduduki tanah Lesen Tumpangan sementara tanpa dikurniakan tanah bergeran kekal. Kelaparan tanah boleh menjadikan petani bertindak di luar batas undang-undang, umpamanya mereka bertindak membuka tanah kerajaan secara haram.

Asas kepada reformasi tanah ialah keperluan untuk mengujudkan satu sistem insentif yang akan meninggikan taraf hidup melalui peninggian daya pengeluaran, untuk memberi galakan bagi penyertaan yang aktif. Reformasi tanah perlu menimbangkan masalah penggunaan tanah secara cekap. Objektif ini merangkumi langkah-langkah untuk memajukan tanah secara saintifik untuk membolehkan keluaran pertanian yang maksima bukan sahaja dari segi per unit tanah tetapi per unit buruh. Pada akhirnya matlamat utama reformasi tanah ialah untuk memberi kemakmuran kepada penduduk luar bandar.

Sungguhpun petani-petani di kampung Sempaloi dan Bulit Pasir tidak terlibat di dalam masalah bayaran sewa yang tinggi seperti yang banyak terjadi di kawasan Jelapang Padi Projek Sungai Muda dan KADA atau lain-lain kawasan di mana gejala penyewaan selalu diperkatakan sebagai mangsa penindasan tuan tanah, tetapi terdapat faktor-faktor lain yang juga harus diberikan perhatian istimewa. Sistem taliair perlu diperbaiki supaya ia benar-benar dapat dimanfaatkan oleh petani-petani. Kesukaran mengawal air di sawah masing-masing beryunca kerana mereka gagal mengikuti jadual yang diturunkan oleh pihak Jabatan Pertanian. Oleh itu penggunaan

teknologi yang baru harus diperkenalkan di sini yang boleh memperbaiki sistem talair yang ada di sini umpamanya dengan menggunakan "glass-fibre reinforced plastics" (GRP) yang digunakan untuk membina talair ke sawah yang menyambungkannya dengan talair besar.¹⁰

Dari segi kos pengeluaran seperti, upah buruh, sewa kobota, zakat dan perbelanjaan untuk racun baja dan benih pedi adalah penting dikaji semula, kerana harganya semakin meningkat. Sungguhpun petani-petani ada diberi bantuan baja tetapi ianya tentulah tidak mencukupi dengan penanaman 2 kali setahun.¹¹ Penggunaan baja dan racun semakin bertambah. Oleh itu pihak pemerintah hendaklah bertindak menurunkan harga baja, menentukan kualiti baja adalah sesuai digunakan oleh petani. Sistem upah telah secara beransur-ansur menggantikan sistem gotong-royong kerana petani memerlukan wang. Tetapi sekiranya petani dapat dihidupkan semula semangat bergotong-royong atau kerja secara kolektif masalah kekurangan buruh tentu dapat diringankan.

Pada teorinya di bawah konsep mini estate, Risda akan mengambil alih tugas mentadbir dan menjaga tanah dari mula ia ditanam semula hingga hal pokok-pokok getah membesar dan menghasilkan pendapatan kepada pekebun kecil. Sekiranya konsep mini estate ini dapat dilaksanakan di kampung Semaloi dan Bukit Pasir sudah tentu kebun-kebun getah yang terbiar itu dapat didatangkan hasil yang menguntungkan pekebun-pekebun kecil.

Walau pun kampung Semaloi dan Bukit Pasir ialah sebuah kampung yang kecil dan terpencil tetapi ia tetap terbuka kepada pengaruh perubahan dari luar. Tiga faktor yang menyebabkan perubahan ini;

- i. Perkembangan pelajaran
- ii. Kedudukan kampung dan hubungannya dengan kawasan sekeliling
- iii. Kesan perubahan pembangunan yang lebih menyeluruh.

Dari segi ekonomi petani di kampung Semalei dan Bukit Pasir masih lagi melaksanakan sistem ekonomi seculup hidup. Walaupun ada usaha ke arah penanaman padi secara perniagaan tetapi masih belum berjaya. Kegiatan ekonomi memberi kesan terhadap corak pemilikan tanah samada golongan mereka yang "bertanah" dan "tidak bertanah" pemilikan dan pengeraian tanah telah memungkinkan pembahagian penduduk kepada kategori berikut;

- i. Pemilik,
- ii. Pemilik serta pemilik pengarja,
- iii. Pemilik pengarja,
- iv. Pemilik pengarja serta pengarja dan,
- v. Penyewa tanah lesen dan penyewa.

Oleh kerana tanah yang dimiliki sempit penduduk-penduduk kampung terpaksa mencari lain-lain sumber pencarian di luar kampung. Aktiviti ekonomi penduduk kampung ini dapat dikategorikan seperti berikut;

1. Mereka yang semata-mata bergantung kepada

tanaman padi,

ii. Mereka yang bergantung se nota-nota kepada
pekerjaan di luar kampung,

iii. Mereka yang bergantung kepada pertanian padi
dan melakukan kerja-kerja sambil yang di
luar kampung.

Di samping faktor tanah pelajaran juga merupakan satu faktor
terpenting yang mempengaruhi mobiliti pekerjaan dan mobiliti geografi
di kalangan penduduk-penduduk kampung. Akibatnya berlaku pengaliran
penduduk keluar dari kampung. Terdapat perbezaan di dalam penentuan
mobiliti tergah di antara orang tua dengan kanak-kanak. Di kalangan
orang tua penentuan mobiliti ke atas atau ke bawah ialah di antara
pemilikan dan pengeraian tanah. Tetapi di kalangan kanak-kanak
pelajaran dan taraf pekerjaan adalah penentu utama di dalam kedudukan
mobiliti mereka.

Walaupun dari segi kegiatan ekonomi penduduk di kampung
Sembaloi dan Bukit Pasir terbahagi kepada pelbagai kegiatan - tetapi
dari segi sosial mereka masih satu kumpulan. Perpaduan dalam satu
masyarakat dapat dikesan dengan adanya sembahyang Jumaat, majlis
kenduri doa selamat atau kenduri nikah kahwin/kematian atau majlis
hari raya atau ketika puasa di bulan ramadhan. Walaupun kegiatan-
kegiatan itu dilakukan mengikut waktu tertentu tetapi ia mempunyai
fungsi mengeratkan lagi rasa hormat menghormati di dalam perhubungan
anggota-anggota masyarakat.

Ditinjau dari kedudukan sosial-perubahan nyata tidak kelihatan lagi. Nilai-nilai tradisional dalam menghormati orang lebih berumur dalam anggota masyarakat masih kekal. Umur masih lagi merupakan salah satu faktor terpenting dalam penentuan kedudukan sosial seseorang.

Dari kajian yang dilakukan dapat dikatakan kejayaan tanaman padi di kawasan Kampung Semaloi dan Bukit Pasir khasnya dan kawasan Sawah Endau umumnya banyak bergantung kepada kegigihan petani sendiri. Kedatangan petani-petani dari Kedah dijangka akan menambah luaskan lagi kawasan sawah yang akan diteroka. Walau bagaimanapun kedudukan mereka ini masih lagi tergantung dari segi mendapatkan permohonan tanah secara ssh. Ianya terpulang kepada pihak berkuasa negeri Johor menentukannya. Tetapi sumbangan petani-petani Kedah yang berjumlah lebih dari 1000 orang di seluruh kawasan Sawah Endau banyak membantu menjayakan rancangan tanaman padi di sini.

Masalah pemasaran mestilah diberi perhatian berat cara LPN mengredkan padi petani-petani di sini haruslah dikaji semula. Petani tidak mahu terasa ditipu apatah lagi jika yang membeli itu sebuah agensi kerajaan, faktor berbentuk psikologi ada satu yang penting kepada mereka.

Di kalangan pekebun kecil getah pula di kampung Semaloi adalah tidak produktif. Banyak dari kebun-kebun kecil yang ada masih lagi dari pokok tua yang tidak berkualit. Oleh itu satu konsep baru di dalam nengerjakan tanaman getah haruslah diperkenalkan. Salah satu rancangan yang sedang dirancangkan ialah pengurusan kebun-kebun kecil getah ini secara mini estet. Menurut Risda konsep mini estet dapat digunakan

berdasarkan dua matlamat pertama, menyatakan kebun-kebun kecil menjadi ladang yang cukup ekonomik untuk diusahakan secara besar-besaran bagi mengeluarkan hasil yang lebih memuaskan. Oleh kerana mini estet tidak memerlukan ramai pekerja untuk mengendalikannya dibandingkan dengan kawasan tanah perseorangan, ia membolehkan setengah pekebun kecil mencari pekerjaan lain yang menawarkan pendapatan yang lebih tinggi.

Nasalah kemiskinan dan kesunduran kaum tani di Kampung Semaloi dan Bukit Pasir adalah manifestasi dari kelemahan petani-petani untuk melepaskan diri dari cengkaman buruan dan institusi ekonomi yang terpaksa mereka hadapi. Oleh kerana masalah ini merupakan gejala umum di kalangan masyarakat, maka pendekatan-pendekatan pengkaji sains sosial khususnya. Ahli-ahli sosiologi untuk mencari jalan mengatasi masalah pembangunan masyarakat tani hanyalah ditumpukan kepada dua angkah yang penting iaitu faktor-faktor sosio budaya yang dikaitkan pula dengan struktur ekonomi dan masyarakat tani. Mertiya suatu pendekatan antara disiplin (inter-disciplinary) untuk cuba menganalisa masalah-masalah itu dengan cara yang lebih menyeluruh dan saintifik perlu diambil.

Nota Kaki

1. Kajian-kajian seperti ini semakin banyak ditekankan pada masa ini untuk mengetahui dan mengukur sejauh mana institusi ini berperanan secara berkesan.
2. Lihat Levis Strauss C. Structural Anthropology. Allan Lane The Penguin Books Press.
- * Masalah etika yang sering dihadapi umpamanya, oleh kerana sebahagian besar petani yang tidak bertanah terpaksa menyewa tanah lesen kerajaan (tanah TOL) mereka sering menganggap pihak berkuasa negeri sebagai tidak adil. Ada di antaranya yang telah menduduki tanah lesen ini selama lebih 10 tahun tetapi masih diberi titles sementara.
3. Sumber keterangan dari Jabatan Pertanian Nersing.
4. Present Land Use of Peninsular Malaysia. Vol. 1 1979. By I.F.T. Wong Terbitan Kementerian Pertanian Malaysia, 1980.
5. Syed Husin Ali Masyarakat dan Pimpinan Kampung di Malaysia, m.s. 10-19
6. Ibid. Hal Yang Sama
7. Ibid. Hal Yang Sama
8. Lihat Kanun Tanah Negara Akta 56 Tahun 1965 m.s. 29.
9. Ibid. Hal Yang Sama
10. New Straits Times, 1972.
11. Data dari Jabatan Pertanian Nersing.

BIBLIOGRAFI

Buku-Buku

- Chinoy E., : Sociology Prospective, Poubleday & Co., Inc., Djakarta (1960).
- Gouldner, A.W., : Studies in Leadership New York, 1965.
- Gullick J.M., : Indigenous Political System of Western Malaya, London, Athlone, 1965.
- Jabatan Tanah Dan Galian Persekutuan: Buku Panduan Pentadbiran Tanah 1980.
- Kanun Tanah Negara Malaysia: Akta 56 tahun 1965.
- Mazidah Zakaria : Susunan Ekonomi Dan Sosial Kampung Changkat Larang, Kawasan Simpanan Melayu, Perak.
(Suatu Kajian Tentang Perubahan Ekonomi Dan Sosial Dalam Sebuah Masyarakat Kampung Melayu) - 1967.
- Mydral G. : The Challenge of World Poverty: A World Anti-Poverty Programme in Outline, Harmondworth, Penguin Book, 1971.
- Ness, G.P., : Bureaucracy and Rural Development in Malaysia, Berkeley & Los Angeles: University of California Press 1967.
- Nik A. Rashid A. Rahman: Journal Malaysian Common Laws, 1978.
- P.A. Fitz Gerald; "Land Reform and Economic Development", in K.H. Parsons et. al (eds), Proceeding of International Conference on Land Tenure and Related Problems in World Agriculture.
- Rogers, E.M., : Modernization Among Peasants, New York Holt, Reinhart & Winston Inc., 1968.
- Swift, M.G., : Malay Peasant Society and Leadership Kuala Lumpur: Oxford University Press (East Asian Social Science Monograph) 1974.
- Syed Husin Ali, : Social Stratification in Kampung Bagan Singapore: Monograph of the Malaysian Branch, Royal Asiatic Society, 1964.
: Masyarakat dan Pimpinan Kampung di Malaysia,

- Penerbit Pajar Bakti Sdn. Bhd., Kuala Lumpur 1977.
- : Kemiskinan Dan Kelaparan Tanah Di Kelantan, Karang Kraf Sdn. Bhd., Petaling Jaya, Selangor, 1978.
- : Orang Melayu Masalah Dan Masa Depannya. Terbitan Adabi Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1979.
- : Apa Arti Pembangunan DBP Kuala Lumpur, 1976.

V.M. Johnson & R. Ballow: Land Problems and Policies New York, 1954.

Wan Kadir Wan Deraman: Pele Pemilikan Tanah di Nukim Demit Kelantan, (B.A. Thesis) UN., 1973.

Akhbar-Akhbar

New Straits Times 26 Mei 1976, New Sunday Times, 25 November 1975.